

# ISLAM DAN SOSIALISME DI ASIA TENGGARA: MENELITI PEMIKIRAN AHLI TEORI POLITIK ISLAM TERAWAL INDONESIA, OEMAR SAID TJOKROAMINOTO (1882-1934)

(*Islam and Socialism in Southeast Asia: A Study of the Earliest Indonesian Islamic Political Theorist's Thought, Oemar Said Tjokroaminoto (1882-1934)*)

MUHAMAD HASRUL ZAKARIAH

## ABSTRAK

Kajian ini menganalisis aspek penting pemikiran H.O.S Tjokroaminoto tentang ideologi Sosialisme berdasarkan interpretasi dan prinsip Islam di Indonesia. Tjokroaminoto yang merupakan seorang pemimpin politik Jawa tersohor telah memperincikan dengan jelas idea-idea beliau dalam karya terkenal nukilannya, *Islam dan Sosialisme* yang diluncurkan pada tahun 1924. Beliau telah dianggap sebagai salah seorang pemikir terawal teori politik Islam di Indonesia, dan pelopor kepada ideologi Sosialisme cara Islam di Asia Tenggara melalui kepimpinan beliau dalam organisasi politik massa yang mempunyai jumlah pengikut di Hindia Timur Belanda ketika itu iaitu Sarekat Islam (SI). Objektif utama makalah ini ialah untuk menganalisis aspek penting pemikiran Tjokroaminoto tentang Sosialisme menurut Islam berbanding pencapaian beliau dalam kerjaya politik. Tjokroaminoto telah menjelaskan dengan komprehensif prinsip sebenar doktrin Sosialisme menurut Islam bagi menyanggah salah interpretasi dan kekeliruan dalam kalangan peribumi tempatan bahawa doktrin ini adalah serupa dengan falsafah materialisme Marxisme. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan kualitatif berdasarkan interpretasi disiplin sejarah intelektual. Dapatan kajian pula menunjukkan pemikiran dan idea tokoh terkemuka ini tentang Sosialisme jelas berbeza dengan falsafah Sosialisme-Marxisme Barat. Malahan kajian ini juga menunjukkan bahawa Tjokroaminoto sebenarnya bukanlah cuba mengislamkan ideologi Sosialisme sebaliknya beliau telah membanding dan mengkritik idea sekular dalam Sosialisme, seterusnya mengutarakan falsafah kesejahteraan insan dan keadilan sosial Islam yang lebih sempurna.

Kata kunci: Sosialisme; Islam; Tjokroaminoto; Sarekat Islam; Falsafah; Indonesia.

## ABSTRACT

This study analyses the main aspects of H.O.S Tjokroaminoto's thoughts on Islamic principles and interpretation of Socialism ideology in Indonesia. The thought was elaborated comprehensively by Tjokroaminoto, a Javanese political leader in his book 'Islam dan Sosialisme' launched in 1924. He has been recognized as one of Indonesia's earliest Islamic political theorists and the

*pioneer in interpreting the Socialism ideology based on the Islamic framework in Southeast Asia. Tjokroaminoto propagated Socialism's concept grounded on Islamic doctrine throughout his leadership in a mass political movement of Sarekat Islam (SI). Hence, the article's main objective focuses on his philosophical thoughts about socialism doctrine according to Islamic teaching rather than his political career achievements. Tjokroaminoto clarified with a comprehensive explanation about the actual principle of Socialism based on the Islamic perspective to counter the misinterpretation and confusion among the locals that the ideology was identical to Marxism's materialism philosophy. The study applies a qualitative methodology based on intellectual history interpretation. The study's key finding shows that the thoughts and ideas of Tjokroaminoto about socialism are different from the philosophy of Western Marxism-Socialism. The study has proven that he was not trying to Islamise the Socialism ideology, but he intentionally compared and criticized the secular aspect of socialism ideas. Subsequently, he proposed a complete Islamic well-being and social justice philosophy.*

*Keywords:* Socialism; Islam; Tjokroaminoto; Sarekat Islam; Philosophy; Indonesia

## PENDAHULUAN

Makalah ini akan membahaskan pengertian Sosialisme cara Islam berdasarkan sudut pandang tokoh terawal yang mencetuskan teori politik Islam di Indonesia, dan pelopor ideologi Sosialisme cara Islam di Asia Tenggara iaitu Haji Oemar Said (H.O.S) Tjokroaminoto (1882-1934). Dalam konteks kajian sejarah intelektual Indonesia, perbincangan akan difokuskan kepada ideologi Sosialisme menurut Islam yang menjadi pegangan beliau ketika memimpin pertubuhan politik Sarekat Islam (SI) di Hindia Timur Belanda mulai tahun 1914 sehingga beliau ditangkap oleh pemerintah Belanda pada tahun 1920. Umumnya, dari segi susur galur sejarah modennya, terma sosialisme dan sosialis itu pertama kali dikesan muncul di Itali pada tahun 1803. Malahan ramai ahli sejarah berpendapat bahawa terminologi sosialisme ini telah mula digunakan semenjak sebelum tercetusnya Revolusi Perancis lagi (Cole 1995). Pada tahun 1827, istilah sosialisme ini telah diterbitkan dalam *Cooperative Magazine* sebagai gambaran umum doktrin koperatif janaan Robert Owen yang selanjutnya disebut pula sebagai sosialisme di Perancis dalam *La Globe*, jurnal milik penganut sosialis Comte de Saint-Simonians- pengikut ahli falsafah Perancis Claude-Henri de Rouvroy (1760-1825). Kumpulan ini seterusnya menyebarluaskan teori sosial mereka yang kemudiannya digunakan untuk merujuk kepada perkumpulan yang berjuang membina order baharu sosial bersandarkan kepada konsep ekonomi dan sosial hak asasi manusia sekitar tahun 1830-an. Revolusi Industri di Britain (1760-1830) pula kemudiannya turut merancakkan perkembangan fahaman ini khususnya apabila muncul kritikan-kritikan tentang penindasan yang berleluasa terhadap golongan buruh di kilang-kilang di England. Antaranya termasuklah pendedahan tentang eksplorasi buruh dalam laporan Jawatankuasa Sadler pada tahun 1832 berkaitan keadaan buruh-buruh di kilang tekstil yang tertindas akibat daripada kepincangan undang-undang buruh dalam sektor industri. Fahaman ini kemudiannya berkembang pesat di Eropah setelah munculnya beberapa tokoh terkemuka yang didahului oleh Robert Owen (1771–1858) dan Charles Fourier (1772–1837) pada period awal yang dikenali sebagai aliran *Utopian Socialism* serta diikuti pula oleh Karl Marx (1818–1883), Friedrich Engels (1820–1895) dan pengikut-pengikut mereka yang diidentifikasi sebagai *Scientific Socialism* (Esenwein 2005).

Terdapat pelbagai takrifan tentang makna sosialis dan sosialisme itu sendiri dari manca aliran tetapi kepelbagaian ini menjurus kepada satu konsensus iaitu – makna sosialisme itu letaknya di atas segala kepentingan dalam hubungan antara individu, negara dan masyarakat. Hakikat ini diakui oleh Edward Royce yang merumuskan, “*the term ‘socialist’, whether in reference to a person, a doctrine, a movement, or a political party, does not have a definitive meaning*” (Royce 2015). Bagi golongan sosialis, individu itu tidak pernah bersendirian sebaliknya mestilah memaknakan diri mereka melalui hubungan dengan yang lain. Golongan sosialis yakin bahawa masyarakat yang teratur lagi sejahtera tidak akan wujud tanpa negara sebagai alatnya kerana negara dilihat sebagai wadah yang paling efektif dalam mengkoordinasi dan mentadbir segala keperluan manusia. Pandangan sosialis berbeza dengan sudut pemahaman golongan liberal dan konservatif. Dua kumpulan terkemudian ini iaitu liberal dan konservatif, melihat manusia itu secara semulajadinya mewarisi kepentingan diri dan material semata-mata, manakala sosialis melihat nilai dan kepercayaan manusia itu adalah lahir dari keadaan dan produk sosial di bawah kapitalisme. Menurut George Esenwein pula, sosialisme itu melihat nilai dan kepercayaan individu sebenarnya, yang dibentuk oleh masyarakat dan selanjutnya “*enhance our capacity for acting cooperatively and collectively in pursuit of mutually reinforcing material and spiritual goals*” (Esenwein 2005). Sementelah ahli falsafah Polish, Leszek Kolakowski (1927-2009) pula menyimpulkan makna sosialisme itu sebagai berikut,

*The belief that uncontrolled concentration of wealth and wealth will undoubtedly lead to growing poverty and crisis, that this system must be replaced by another system in which the organization of production and the exchange of results will eliminate poverty and exploitation and result in the distribution of new wealth in accordance with the principles of equality, to whom according to his work or in broader perspective, to whom according to his needs. (Magnis-Suseno 1999).*

Selanjutnya, salah satu definisi yang paling tepat dan sempurna tentang istilah sosialisme ialah takrifan yang diberikan oleh ahli sosiologi terkemuka Perancis, Emile Durkheim (1858-1917) iaitu “*a cry of grief, sometimes of anger. While it falls short as a science, socialism is a potent symptom of the malaise of the modern period*”. Menurut Durkheim lagi, sosialisme itu menuntut kepada “*the demand of organization*” atau secara mudahnya “*a movement to organize*”. Ia merujuk kepada aspirasi yang berkehendakan satu sistem dengan fungsi-fungsi ekonomi yang berhubung menuju kepada arahan dan pusat kesedaran masyarakat, dan apabila aktiviti ekonomi diletakkan di bawah “*society’s conscious control*” (Durkheim 1962). Makalah ini tidaklah berhasrat untuk memanjangkan perbahasan tentang asal usul faham sosialisme di Eropah mahupun takrifan mereka. Sebaliknya makalah ini akan meneliti perkembangan salah satu cabang dalam aliran sosialisme iaitu Sosialisme Islam yang bukan sahaja berpengaruh di rantau Asia Barat, Afrika Utara, Asia Tengah dan Asia Selatan tetapi turut tersebar di Asia Tenggara. Naratif perbincangan pula akan difokuskan kepada penelitian tentang pemikiran seorang tokoh terawal dalam aliran Sosialisme Islam ini di Asia Tenggara iaitu Haji Oemar Said (H.O.S) Tjokroaminoto. Kajian ini mengaplikasi metodologi penyelidikan disiplin sejarah intelektual menggunakan sumber-sumber primer khususnya karya Tjokroaminoto sendiri iaitu *Islam dan Sosialisme* yang ditulis pada tahun 1924.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan dan metodologi disiplin sejarah, khususnya dalam sub-disiplin sejarah idea atau sejarah intelektual. Antara kaedah yang digunakan bagi

menginterpretasikan data-data kualitatitif seterusnya membina naratif sejarah ialah kaedah penyelidikan bibliografik (bibliographic review). Melalui kaedah ini proses pemerhatian, retrospektif, orientasi pilihan, analisis, interpretasi dan diskusi posisi teori, dapatkan kajian dan kesimpulan dalam penulisan saintifik dilakukan bagi memperolehi informasi yang relevan terhadap penyelesaian kepada persoalan-persoalan kajian (Fernandes 2021). Selanjutnya kaedah lain yang turut diaplikasi dalam kajian ini ialah kaedah penyelidikan arkib. Sumber-sumber primer seperti hasil penulisan Tjokroaminoto sendiri telah dikaji dan dianalisis bagi mendapatkan data-data penting untuk memahami aspek-aspek utama pemikiran beliau. Antara teks terpenting yang dikaji ialah tulisan Tjokroaminoto sendiri iaitu *Islam dan Sosialisme* yang diterbitkan pertama kali pada tahun 1924, teks karya Mustafa al-Siba'i yang diterbitkan pada tahun 1960 iaitu *Ishtirakiyyat al-Islam* (The Socialism of Islam), teks *The Green Book* terbitan tahun 1978 karya Muammar al-Qaddafi dan karya Syed Hussein Alatas, *Islam dan Sosialisme* versi tahun 2020. Kaedah penyelidikan arkib yang digunakan oleh ramai ahli sejarah ini membabitkan proses penyelidikan dokumen dan material teks yang dihasilkan oleh seseorang individu atau institusi. Menurut Ventresca (2017) dalam proses ini, analisis dan interpretasi bukan sahaja membabitkan dokumen-dokumen sejarah tetapi juga dokumen kontemporari termasuklah proses analisis terhadap teks digital, pengkalan data elektronik dan laman sesawang yang relevan. Proses penyelidikan ini melibatkan rujukan yang meluas terhadap sumber-sumber sekunder dan primer berkaitan pemikiran tokoh terkenal ini.

## PERBINCANGAN

### Gagasan Sosialisme Islam: Memaknai Falsafah Umumnya.

Sebelum diteliti secara mendalam pemikiran Tjokroaminoto, makalah ini terlebih dahulu akan membahaskan makna dan sejarah perkembangan ideologi Sosialisme Islam terlebih dahulu. Istilah Sosialisme Islam atau dalam bahasa Arabnya disebut sebagai *Isytirākiyyat al-Islamiyyah* merujuk kepada gagasan kesejahteraan insan berdasarkan prinsip solidariti dan keadilan sosial yang berpaksikan kepada ketauhidan kepada Allah S.W.T. Menurut Mustafa As-Siba'i (2020), Sosialisme Islam adalah fahaman yang berdiri atas prinsip umum yang antaranya mempraktiskan dasar sosial yang memerangi kepapaan, kesakitan, kejahilan, ketakutan dan kehinaan. Selain itu, taraf hidup dalam masyarakat sosialis Islam adalah tinggi dengan segala undang-undang yang diamalkan dijalankan secara adil tanpa membezakan latar belakang seseorang individu itu, meletakkan bebanan tanggungjawab secara kolektif dan sesuai dilaksanakan pada sepanjang zaman. Dalam karya berpengaruh beliau *Ishtirākiyat al-Islām* (Sosialisme Islam), As-Siba'i menghuraikan bahawa Sosialisme Islam itu berdiri atas empat kekuatan utama iaitu hak-hak asasi semulajadi bagi seluruh rakyat, perundungan yang menjamin dan mengatur hak-hak tersebut, hukum tanggungjawab sosial dan dasar-dasar untuk perlaksanaannya (As-Siba'i 2020). As-Siba'i sepertimana pemikir besar Indonesia, Buya Hamka turut menolak ideologi Sosialisme Barat ala Marxist/Lenin. Menurut beliau Sosialisme dalam Islam itu berbeza dengan Sosialisme Barat khususnya dalam aspek solidariti sosial yang menekankan aspek humanistik dan moral.

*The principle of social solidarity in Muslim Socialism is one of the features that distinguish this humanistic and moral socialism from every other kind of Socialism known today. If it were applied in our society, the latter would be ideal, and no other society would come anywhere near its lofty grandeur (Rodinson 1974).*

Dalam hal yang berkaitan dengan pertentangan kelas, falsafah Sosialisme Islam meletakkan kepentingan umum mengatasi kepentingan individu walaupun Islam tidak melarang misalnya pemilikan harta individu. Dalam hal ini, kelihatannya amat berbeza antara falsafah Sosialisme cara Islam dengan Sosialisme Barat yang menekankan tentang pemilikan awam sepenuhnya, misalnya melalui dasar nasionalisasi harta atau tanah oleh kerajaan dan mengabaikan hak individu. Premis ini berbeza dengan Islam yang menekankan bahawa dalam hal pemilikan harta individu itu terdapat bahagian yang diperuntukan untuk golongan yang lemah dan berkeperluan (*mustad'afin*) sebagai manifestasi tanggungjawab kolektif sosial. Prinsip ini dikenal dalam Islam melalui mekanisme zakat, *infa'* dan sedekah. Menurut As-Sibai'i, falsafah Sosialisme Islam tidak melarang pemilikan individu tetapi hanya melarang seseorang individu memiliki sesuatu barang atau harta secara besar-besaran sehingga individu tersebut bertindak memanipulasi harga dan pembahagiannya yang merosakkan keperluan umum. Dalam konteks ini, maka pemerintah wajib menghalang bahaya monopoli kapitalis dan individu dengan mengambil langkah-langkah yang wajar termasuklah melaksanakan dasar nasionalisasi dan kolektivisasi bagi memastikan semua rakyat dapat menikmati atau memperolehi faedah yang adil (As-Siba'i 2020). Hujah ini bersandarkan kepada beberapa contoh sejarah Islam misalnya dalam tindakan Rasulullah S.A.W merizabkan tanah ‘al-Naqi’ di Madinah untuk keperluan ternakan penduduk Madinah. Begitu juga langkah Saidina Umar R.A. merizabkan sebidang tanah Az-Zaidah milik individu kepada pemilikan awam untuk keperluan ternakan seluruh penduduk Madinah.

Berhubung dengan dasar monopoli dan eksplotasi harga yang dilarang dalam Islam pula, salah satu contoh yang jelas ialah dalam kisah Rasulullah S.A.W. yang mengarahkan pokok-pokok tamar di kebun milik Samura ibn Jundab al-Fazārī dicabut kerana Samura cuba memanipulasi harga apabila enggan menjual tamarnya. Malahan Saidina Umar R.A sendiri telah membahagikan harta milik individu misalnya harta para sahabat seperti Abu Hurairah R.A, ‘Amr ibn Al’As, Ibn ‘Abas dan Sa’ad ibn Abi Waqqas untuk menjadi harta negara bagi keperluan awam (As-Siba'i 2020). Begitu lah juga dalam sejarah pembukaan Iraq, Syam dan al-Jazirah yang dikuasai oleh Islam di bawah pimpinan Saidina Umar R.A. Polisi tanah di wilayah yang baharu dikuasai oleh Islam ini melarang pembahagian tanah sebagai harta rampasan perang yang diagihkan kepada tentera Islam sebaliknya dikekalkan kepada pemilikan negara dengan penduduk asli mereka berhak mengerjakan dan mendapat hasil daripadanya setelah ditolak dengan cukai tertentu secara berpatutan. Dalam kes ini, As-Siba'i merumuskan tindakan Saidina Umar R.A. itu mendahului prinsip sosialisme Barat janaan John Stuart Mills pada kurun ke-19 yang menyatakan ‘bumi tidak harus dimiliki atas nama perseorangan bahkan dimiliki oleh pemerintah. Pemerintah berhak mendapat hasil tanah melalui cukai atau sewaan yang berpatutan dan selebihnya adalah habuan untuk para petani’ (As-Siba'i 2020).

Umumnya, tujuan utama sosialisme ialah untuk mewujudkan kesejahteraan bagi seluruh warga negara secara kolektif. Justeru, prinsip ini menunjukkan adanya konsistensi dan beberapa persamaan dengan tujuan-tujuan kesejahteraan antara ajaran Islam dan sosialisme. Dalam hal ini, H.M Rasjidi (1966) pula menegaskan bahawa tujuan kesejahteraan itu sendiri memiliki maksud untuk menghapuskan kemiskinan dan menjamin kesejahteraan hidup rakyat di sebuah negara. Dalam sejarah Islam, Rasulullah S.A.W dan para sahabat baginda amat menekankan tentang kemaslahatan umum ini dan seringkali dilihat terkehadapan dalam konteks falsafah sosialisme berbanding dengan Barat, termasuklah dalam konteks nasionalisasi kerajaan dan polisi kolektivisasi tadi. Selain Saidina Umar R.A., seorang lagi sahabat baginda Abu Dzar al-Ghifarri juga menekankan tentang elemen sosialisme ini khususnya berkaitan konsep pemilikan bersama (*public ownership*), jauh lebih awal berbanding Karl Marx.

*One of the earliest philosophers of Islam, Abu Dzar al-Ghifarri was in Ali's camp and quoted as saying attributed to Muhammad S.A.W: 'There are three things which belong to society as a whole and cannot be claimed by any individual- fire, gas and water'. By listing the three essentials for the existence of the Arabs, al-Ghifarri was in effect proclaiming the nationalization of the means of production thirteen centuries before Karl Marx (Mohamed Heikal 1981).*

Walau bagaimanapun, falsafah Sosialisme Islam itu hakikatnya tidaklah seluruhnya sama dengan faham sosialisme seperti mana yang dipraktiskan di Barat seperti Sosialisme Kristian, Sosialisme Atheis atau Sosialisme Komunis/Marxisme. Sebagai contohnya, Sosialisme Kristian merujuk kepada penggunaan asas-asas agama Kristian sebagai dasar sosialisme berbanding dengan asas-asas ekonomi dan analisis sosiologi seperti dalam kerangka Marxist dan Fabianisme. Dalam hal ini, menurut Bickley bahawa Kristian Sosialisme bolehlah dirumuskan sebagai “rightly bracketed with other ‘ethical’ socialisms. But although it has fed from them and into them, it rests on unique foundations” (Bickley 2010). Tokoh-tokoh Sosialis Kristian seperti Wilfred Wellock pula melontarkan sudut pandang aliran ini dengan menjelaskan bahawa, “most socialists rested their case solely on the economic argument, whereas I saw the basic error of capitalism in certain spiritual deficiencies” (Rigby 1988). Begitu juga dengan tokoh yang lain dalam fahaman ini termasuk ahli-ahli politik terkemuka Britain seperti George Lansbury yang menulis bahawa “[my reading and my prayers and all united to confirm my faith that Socialism, which means love, co-operation and brotherhood in every department of human affairs, is the only outward expression of a Christian faith” (Bryant 1996). Hakikatnya, isu-isu penting yang melingkari wacana sosialisme seperti hal yang berkaitan dengan hubungan industri seringkali turut dikaitkan dengan persoalan moral yang mendasari ajaran Kristian. Sebagai contohnya ialah R.H. Tawney yang pernah menegaskan bahawa “industrial problem is a moral problem” (Winter & Joslin 2006).

Sementelah fahaman Sosialisme Islam itu juga berbeza dengan ideologi Marxisme kerana Sosialisme dalam Islam itu tidak berjuang untuk menghapuskan pemilikan individu secara total sepertimana Marxisme. Menurut Marx, “The goal of the workers' movement is not to make capitalism more bearable but to overthrow the system in its entirety. There is no room for conciliation in a society where the ‘man of labor’ is subservient to the monopolizer of the means of production” (Marx 1985). Malahan dengan nada radikal Marx menegaskan “complete emancipation of the working class” dan matlamat ini hanya akan tercapai melalui “overturning the very system of wages labor and capital rule” (Tucker 1972). Malahan pada akhirnya matlamat Sosialisme-Marxisme ialah “not the ‘alteration of private property’ sebaliknya “its annihilation, not the smoothing over of class antagonisms but the abolition of classes, not the improvement of existing society but the foundation of a new one” (Marx 1969). Sementara itu, menurut As-Siba'i, Sosialisme Islam itu sebagai “an integral part of the credo of the Muslim, who can but apply it. It constitutes a more rapid and more effectual method than any other Socialism in the reform of our society” (Voll 1982). Hakikatnya sejak awal lagi Islam telah mengajarkan umatnya tentang soal-soal keadilan sosial dan ekonomi, persamaan dan persaudaraan, kolektiviti dan penentangan terhadap ekspolitasi kapitalisme yang menjadi inti utama dalam wacana sosialisme moden. Dalam hal keadilan ekonomi misalnya menurut Khalifa A. Hakim dalam *Islamic Ideology* bahawa prinsip-prinsip ekonomi yang positif dipopularkan oleh Sosialisme Barat termasuklah oleh aliran Marxist telah lama wujud dalam ajaran Islam seperti yang diwahyukan dalam al-Qur'an.

*Long before Marx, it was the Quran that had calculated economic justice by teaching, that organize your economic life in such a way that wealth does not circulate among the minority of the rich. Allowing free initiative within legitimate bounds, it had closed all avenues of exploitation. Surplus wealth had to be returned to the have-nots of society. Muslim state was founded by the prophet as a welfare state (Hakim 2003).*

Para pemikir Islam bagaimanapun turut merumuskan bahawa sememangnya terdapat elemen-elemen tertentu dalam Marxisme misalnya penentangan terhadap kapitalisme dan imperialism yang secocok dengan ajaran Islam. Dalam hal ini Hamka pula menegaskan bahawa Islam tidak pula memandang segala sesuatu buruk sahaja. Dalam teori Marxisme sangat banyak pula yang dapat diterima dan dasar-dasar itu telah ada dalam Islam. Menurut Hamka “Teori-teori Marxisme mana yang tidak berlanggar dengan prinsip ketuhanan itu, akan kita terima” (Hamka 1966).

Kendati pun begitu, Hamka tetap mengkritik amalan Sosialisme Marxist/Leninisme seperti mana yang dilaksanakan di Rusia. Bagi Hamka (1966), kesilapan Sosialisme Marxist/Leninisme ini berpunca daripada sudut pandang yang hanya melihat manusia itu sebagai benda, barang atau alat dalam sistem ekonomi, malahan umpama ‘binatang’ yang berputar dalam lingkaran ekonomi, lantas menafikan manusia itu pada asal kejadiannya mempunyai agama, adanya perasaan halus dan nilai peribadi. Sosialisme Marxist tegas Hamka, kelihatannya mengabaikan aspek-aspek lain manusia termasuklah persoalan akal, budi dan jiwa. Justeru dalam konteks sejarah Rusia misalnya, gerakan anti-imperialis dan anti-kapitalis oleh Lenin kemudiannya berjaya menukar sistem sedia ada kepada satu bentuk imperialis dan kapitalis baharu yang lebih menyakitkan rakyat seluruhnya. Malahan kapitalis lama yang bercerai berai setelah tumbang dari revolusi politik buruh kemudiannya disatukan oleh komunis ke dalam satu tangan iaitu pemerintahan diktator. Menurut Hamka lagi, “semboyan imperialisme-imperialisme lama hanya kurang sedikit sahaja daripada semboyan-semboyan imperialisme model baharu iaitu komunisme” (Hamka 1966).

### Tinjauan Ringkas Perkembangan Fahaman Sosialisme Islam Era Moden

Fahaman Sosialisme Islam era moden mula berkembang di negara-negara Islam khususnya di rantau Asia Barat, Afrika Utara dan Asia Selatan bermula pada awal kurun ke-20. Makalah ini akan menghuraikan secara ringkas pertumbuhan dan perkembangan faham Sosialisme Islam ini di beberapa negara terpilih sebagai latar pemahaman pembaca tentang makna falsafah serta pengaruh ideologinya. Di rantau Asia Barat, antara tokoh yang terawal dalam mengembangkan aliran sosialisme ialah Salāmah Mūsā (1887–1958) di Mesir. Beliau pernah belajar di England dan setelah kembali ke Mesir pada tahun 1913 menulis karya *Al-ishtirākiyah (Socialism)* yang kemudiannya menarik minat ramai golongan intelektual muda Arab. Mūsā kemudiannya turut terlibat dengan organisasi politik di Mesir apabila pada tahun 1920 beliau terbabit dengan penubuhan Parti Sosialis Mesir, yang kemudiannya menjadi Parti Komunis Mesir berideologi Marxist. Mūsā yang menolak idea-idea radikalisme dalam aliran Marxist kemudiannya berundur dari parti ini dan bersara dari aktiviti politik. Seorang lagi yang dikaitkan dengan Sosialisme Islam ialah tokoh reformis Islam yang terkenal dan terkehadapan dalam mencanangkan falsafah Sosialisme Islam ialah Jamaludin Al-Afghani. Malahan beliau disifatkan oleh ramai pengkaji seperti Sammi A. Hanna sebagai ‘pengasas’ Sosialisme Islam. Al-Afghani merupakan ilmuan Islam yang terawal membicarakan tentang konsep Sosialisme cara Islam dalam penulisan eseи-eseи beliau antara tahun 1892 hingga 1897, yang kemudiannya dikompilasi dan diedit oleh Basha al-Makhzūmi berjudul *Khāfirāt Jamāl al-Dīn al-Afghāni al-Husayni* pada tahun 1931 di Beirut.

Di Mesir dan Syria, terma Sosialisme Islam seringkali digunakan untuk merujuk kepada Sosialisme Arab walaupun terdapat perbezaan antara aliran sekular (Arab) dan Islamis (Rodinson 1979). Ideologi Sosialisme Islam telah menjadi popular di Mesir pada zaman pemerintahan Kolonel Gemal Abdel Nasser (1918–1970) yang menggunakan terminologi Sosialisme Islam bagi mempertahankan regim pemerintahan beliau. Revolusi sosialisme Nasser kemudiannya membawa kepada kudeta tentera pada tahun 1952 seterusnya menyemarakkan perkembangan ideologi ini di rantau Asia Barat. Dalam konteks pengembangan asas ideologi Sosialisme Islam pula, salah seorang tokoh terawal di Mesir ialah Shaykh Khālid Muḥammad Khālid (1920-1996) yang menulis karya *Min hunā nabda*’ (Dari Sini Kita Bermula). Beliau menyatakan bahawa faham sosialisme adalah secocok dengan Islam dan adalah perlu sebagai alternatif kepada sistem ekonomi kapitalis di negara tersebut. Walaupun idea beliau adalah berasaskan kepada gerakan demokratik sosial Eropah, interpretasi beliau tentang Mesir moden bergantung kepada keadaan negara ketika itu yang berada di bawah kolonialisme British, kemunduran ekonomi dan kemuflisan moral. Menurut Khālid, Mesir tidak akan membangun dari segi kerohanian dan ekonomi sehingga negara tersebut memperbaiki kehidupan rakyatnya, dan menyediakan penduduknya dengan layanan yang wajar serta keadilan yang tulin seperti mana yang dianjurkan oleh Islam. Beliau mengkritik ajaran Islam yang dilaksanakan di Universiti Al-Azhar khususnya ajaran yang hanya mengukuhkan posisi komuniti kaya dan mengabaikan isu kemiskinan golongan rakyat teramai. Bagi Khālid, Islam yang sebenar hendaklah berasaskan kepada sikap penyayang, saksama dan komitmen yang utuh kepada keadilan (Nur Lailatul 2015).

Selain Khālid, seorang lagi tokoh yang mempopularkan terminologi Sosialisme Islam dan sangat berpengaruh dalam perkembangan ideologi ini di negara-negara Arab, khususnya di Mesir dan Syria ialah Syeikh Muṣṭafā al-Sibā‘ī (1915–1964) (Gardner & Hanna 1966). Beliau pernah menjawat jawatan sebagai dekan Fakulti Pengajian Syariah dan Undang-undang, Universiti Damsyik dan ketua organisasi *Ikhwanul Muslimin* (Muslim Brotherhood) cawangan Syria dan pernah menyertai Parti Sosialis Syria (Islamic Socialist Front) dari tahun 1945 sehingga tahun 1961. Beliau juga merupakan penyokong kuat kepada kepimpinan Kolonel Gemal Abd Nasser yang memimpin Mesir dan mendukung tindakan untuk membubarkan *Ikhwanul Muslimin* Syria pada tahun 1958 apabila banyak parti politik di negara tersebut dibubarkan dalam persediaan penubuhan *United Arab Republic* (UAR) pimpinan Nasser. Pada tahun 1959, As-Sibā‘ī telah meluncurkan karya beliau berjudul *Ishtirākiyat al-Islām* (Sosialisme Islam) yang berpegang kepada fahaman bahawa sosialisme dan Islam bukan hanya secocok (*compatible*), malahan sosialisme mestilah menjadi matlamat terpenting dalam pembentukan sesebuah masyarakat dan negara Islam. Menurut As-Sibā‘ī, sosialisme adalah lebih penting daripada pemilikan negara harta, lebih signifikan daripada sistem percukaian yang progresif, dan lebih bermakna daripada menghadkan pemilikan peribadi. Sosialisme sebagai wadah pembangunan adalah kaedah bagi masyarakat untuk menikmati kemakmuran dan kematangan. Tambahan lagi, sosialisme ialah jaminan bagi penentangan kepada eksloitasi manusia, instrumen yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk memacu pembangunan ekonomi negara. Sosialisme adalah formula As-Sibā‘ī dalam menghapuskan kemiskinan dan membolehkan individu untuk mengembangkan bakat dan potensi. Beliau menegaskan bahawa Sosialisme Islam memelihara hak pemilikan dan ia tidaklah bersifat rigid berbanding Komunisme. Beliau menegaskan bahawa Sosialisme Islam itu jelasnya berbeza dengan Sosialisme Marxis yang menunjangi Komunisme. Misalnya, menurut beliau sosialisme Islam membenarkan pemilikan individu diwujudkan secara bersama dengan pemilikan awam secara harmoni dalam lingkungan kumpulan sosial serta bukanlah bersifat peperangan kelas masyarakat. Pelbagai kumpulan masyarakat dibenarkan wujud dan membentuk bahagian-bahagian

buruh yang bekerjsama (*cooperative*) dalam komuniti dan bukannya berlawanan (*adversarial*) seperti kefahaman Marxisme.

Selain Mesir dan Syria, sebuah lagi negara di Asia Barat yang turut dikaitkan dengan perkembangan Sosialisme Islam ialah Iran. Dalam sejarah Iran moden, gagasan Sosialisme Islam ini seringkali dikaitkan dengan pemikiran seorang tokoh cendikiawan terkenal Iran, Dr. Ali Shari'ati. Malahan apabila tercetusnya Revolusi Islam Iran pada tahun 1979, ramai pengkaji mengaitkannya dengan elemen-elemen gagasan Sosialisme Islam yang dipopularkan oleh Shari'ati. Walaupun Shari'ati tidak menggunakan terma sosialisme dalam wacana beliau, tetapi ramai sarjana yang menginterpretasikan idea-idea Shari'ati merupakan manifestasi kepada prinsip-prinsip sosialisme yang bersandarkan kepada Islam atau Sosialisme Islam. Antaranya ialah idea-idea beliau untuk menginterpretasikan semula Islam sebagai agen revolusi bagi membebaskan rakyat bawahan yang tertindas oleh regim Shah yang kejam. Malahan dengan merujuk kepada pemerintahan Saidina Ali R.A. sebagai contoh, Shari'ati menganjurkan dasar kesaksamaan tanpa kelas dalam menentang penindasan, pemerasan dan diskriminasi. Idea-idea utama Shari'ati ketika menyampaikan kuliah, berdebat dan menulis pada era 1950-an, 1960-an dan 1970-an di Universiti Mashdad dan Husayneih Ershad, Tehran dilihat tidak banyak berbeza dengan tesis ke sebelas Karl Marx tentang *Feuerbach* bahawa “*the Philosophers have only interpreted the world, in various ways; the point is to change it*” (Marx 2000). Sementara itu, sarjana seperti Hamid Enayat pula mengklasifikasikan pemikiran Shari'ati ke dalam model Sosialisme Islam yang bersifat radikal dan merupakan pencetus gerakan Sosialisme Islam di Iran. (Hamid 2001). Pemikiran dan falsafah Shari'ati ini turut menjangkau kepada merevolusi kepimpinan Islam dengan mengkritik segelintir golongan agamawan yang dilihat melindungi kebejatan pemimpin yang zalim (*zalimun*) serta kelompok kapitalis yang terdiri daripada kelompok aristokrat (*mala'*) dan kelompok bangsawan (*mutraf*) yang menindas majoriti rakyat yang tertindas (*mustad'afin*). Menurut beliau untuk menyelesaikan masalah kemunduran Ummah dan mengalahkan kapitalisme serta imperialism, maka adalah perlu diwujudkan '*intellectual organic*' dan dorongan kepada massa. Justeru, perlulah diwujudkan wacana yang menfokuskan kepada tradisi mendalam pemikiran Islam umumnya, dan Syiah khususnya. Shari'ati menegaskan bahawa peranan utama pemikir organik yang revolucioner di Iran ialah untuk “*re-think, re-theorize, and re-construct Islam to return it to the way it was in its early phase*”. Seterusnya, “*seeking change to establish a revolutionary socialist ideology that would liberate Muslims along with humankind in general*” (Abed Kanaaneh 2021).

Idea Sosialisme berdasarkan kerangka Islam janaan Shari'ati ini ditentang oleh segelintir ulama Iran yang menuduh beliau sebagai berfahaman Marxist/Komunis tetapi berselindung di sebalik terminologi Islam. Malahan pemimpin agama terkenal Iran seperti Abul Qasim Khoei dan Muhammad Husayn Tabatabaei mengeluarkan fatwa bahawa Shari'ati adalah sesat dan ideologi beliau bertentangan dengan Islam. Menjawab kepada tuduhan ini, Shari'ati melontarkan kritikan pedas kepada golongan ulama yang dianggap menunggang agama bagi mempertahankan *status quo* regim pemerintah yang zalim dan penindasan kelas yang tidak berpenghujung. Bagi beliau, Islam adalah agama yang revolucioner iaitu menentang *status quo* dan memberontak terhadap pencemaran, perhambaan manusia dan penindasan. Pemberontakan bagi beliau ialah dengan mengisyiharkan pengabdian kepada Pencipta, yakni sebab daripada penciptaan dan penyerahan kepada Hukum Kewujudan yang merupakan manifestasi dari undang-undang Tuhan. Beliau mengidentifikasi pemahaman Islam feudal sebagai agama multitetisme yang bertujuan mengabsahkan *status quo* dengan menggunakan kepercayaan metafizik, kepercayaan kepada tuhan atau tuhan-tuhan, Hari Kebangkitan, dan memesongkan kepercayaan kepada kuasa yang ghaib serta menyelewengkan semua prinsip daripada kepercayaan agama. Kelompok elit agama

ini, menurut Shari'ati menggunakan alasan agama dengan berkata bahawa ‘situasi kamu harus diterima dengan terbuka kerana ia adalah manifestasi daripada kehendak Tuhan. Ia adalah takdir dan nasib’ (Ali Shari'ati 2107, 46). Shari'ati menegaskan agama multitetisme ini adalah legasi peninggalan Mu'awiyyah dan Dinasti Umayyah yang berpunca daripada ketamakan ekonomi melalui pengabsahan kepada *status quo*, mendukung keunggulan kelas dan bersifat narkosis. Sebaliknya, bagi beliau Islam sebenar itu hakikatnya ialah agama monoteisme yang menentang sebarang bentuk penyembahan terhadap pemimpin yang angkuh, yang mendurhakai perintah Tuhan, juga terhadap golongan feudal serta aristokrat kaya yang tidak puas hidup dalam kesenangan dan kemewahan. Malahan agama monoteisme mengiystiarkan Tuhan adalah pendukung kepada orang yang teraniaya dan tertindas (Ali Shari'ati 2017).

Pegangan Shari'ati ini walaupun kelihatan agak sama dengan gagasan Marxisme tetapi aspek ketuhanan yang didukungnya menonjolkan sisi yang berbeza dengan fahaman Marxisme. Malahan Shari'ati sebenarnya acapkali mengkritik ideologi Sosialisme Marxist seperti yang berkembang di Eropah. Menurut beliau, Marxisme telah banyak meniru idea-idea Islam dan bukanlah sebaliknya. Contohnya dalam hal falsafah asceticisme yang menurut Shari'ati, “*the revolutionary asceticism is not something modern Muslims have learned from Marxists, It is the Marxists who have just learnt it from Islam*” (Hamid Dabashi 2006). Shari'ati tegasnya mengadunkan pemikiran Islam dengan pendekatan sosialisme dalam menterjemahkan idea-idea revolusioner beliau. Antaranya termasuklah menekankan kepentingan agama dan ketuhanan yang jelas berbeza dengan Marxisme yang meminggirkan agama. Menurut Shari'ati, “*Our own history and experience have demonstrated that whenever an enlightened person turns his back on religion, which is the dominant spirit of the society, the society turns its back on him*” (Ali Shari'ati 2022). Idea-idea revolusioner Shari'ati ini berpaksikan kepada falsafah Sosialisme Islam dan diakui kemudiannya oleh ramai sarjana sebagai penggerak penting yang mentransformasikan pemikiran radikal penduduk Iran untuk melancarkan revolusi Islam pada tahun 1979. Menurut Jacqueline S. Ismael misalnya, “*The idea of Ali Shari'ati, a prominent social theorist in the Muslim World, generally acknowledged as the intellectual godfather of the 1979 Iranian revolution*” (Ismael & Ismael 2008).

Fahaman Sosialisme Islam ini turut berkembang di rantau Afrika Utara dan salah satu negara yang mengangkat fahaman ini sebagai ideologi nasional mereka ialah Libya, khususnya ketika era pemerintahan Kolonel Muammar Ghadaffi. Dilahirkan di Serte, Libya, Ghadaffi amat terpengaruh dengan fahaman Sosialisme Islam di Mesir dan negara-negara Arab khususnya pengaruh Presiden Gamal Abdul Nasser. Fahaman ini menyeru kepada negara-negara Arab untuk menggulingkan pemerintahan monarki yang didakwa amat korup dan menjadi boneka kepada imperialisme Barat, tidak terkecuali pemerintahan Raja Idris di Libya (Ahmet Salih 2019). Dari seorang yang berlatar belakangkan ketenteraan beliau terjun ke arena politik dengan memimpin parti *Great Socialist People's Libyan Arab Jamahiriya* yang ditubuhkan pada tahun 1977 selepas kudeta tentera yang menjatuhkan Raja Idris pada tahun 1969. Gadaffi kemudiannya memproklamasikan doktrin sosialismenya yang disandarkan atas nama Islam melalui karya indoktrinasi Buku Hijau (The Green Book) yang diluncurkan pada tahun 1976. Dalam bahagian pertama buku ini, beliau mengkritik sistem demokrasi berparlimen yang disifatkan gagal untuk menyelesaikan banyak permasalahan rakyat. Justeru beliau menganjurkan pembentukan kongres rakyat bagi menggantikan sistem berparlimen. Hal ini disebabkan berleluasanya kegiatan korupsi, penyelewengan dan eksploritasi dalam membeli undi rakyat. Beliau seterusnya mengkritik budaya kelas dalam masyarakat dengan menyatakan bahawa,

*In summary, all attempts at unifying the material base of a society in order to solve the problem of government, or at putting an end to the struggle in favour of a party, class, sect or tribe have failed (Muammar Gadaffi 1978).*

Seterusnya dalam bahagian kedua buku tersebut Ghadaffi telah mengkritik sistem ekonomi sedia ada yang disifatkan sebagai satu perhambaan versi baharu (new slavery) dan beliau menegaskan bahawa dalam sebuah masyarakat sosialis, tradisi ini akan dihapuskan. Manakala bahagian ketiga buku ini menyentuh tentang reformasi budaya bagi penduduk Libya (Ahmet Salih 1978). Dalam hal ini, Ghadaffi melihat bahawa Islam adalah asas utama kepada menyelesaikan segala permasalahan rakyat. Beliau menyeru kepada pembaharuan interpretasi terhadap Islam dengan kembali semula kepada ajaran asal al-Qur'an dan hadith. Berasaskan kepada fahaman beliau tentang sistem sosialisme yang disandarkan kepada prinsip Islam, Ghadaffi kemudiannya melaksanakan reformasi ekonomi di Libya khususnya proses nasionalisasi industri dari pengusaha individu dan syarikat kepada pemilikan negara. Ghadaffi menolak peniruan secara menyeluruh fahaman sosialisme Barat khususnya berhubung dengan penolakan mereka terhadap posisi agama dalam sesebuah masyarakat sosialis. Menurut beliau agama dan nasionalisme adalah penggerak utama kepada perubahan sejarah dan bukannya faktor ekonomi dan kebendaan. Bagi beliau juga, idea tentang pertentangan kelas janaan Marxisme adalah bertentangan dengan prinsip *Ummah* dalam Islam. Menurut Ghadaffi lagi, negara tanpa agama adalah sesuatu yang tidak normal. Justeru Ghadaffi telah melontarkan idea tentang "Third International Theory", yang berasaskan kepada premis bahawa agama dan nasionalisme seharusnya menggantikan ideologi 'kapitalis materialisme' sepertimana yang berkembang di Eropah Barat dan alternatif kepada fahaman '*Communist atheism*' yang dominan di Eropah Timur dan Rusia (Westerlund 1982).

Selain di Benua Afrika, idea Sosialisme Islam turut tersebar ke rantau Asia Selatan khususnya di Pakistan. Antara pemikir awal di rantau ini ialah Ubaidullah Sindhi yang merupakan seorang aktivis penentang kolonialisme British di India. Ketika beliau tinggal di Rusia dan kemudiannya di Istanbul, Ubaidullah telah mengkonstruksi idea-ideanya tentang Sosialisme Islam. Menurut beliau, Dunia Islam boleh mencapai keadilan ekonomi seperti matlamat Komunis dengan mengikuti ajaran asas Islam. Tokoh yang seterusnya ialah Hafiz Rahman Sihwarwl yang berpandangan bahawa Marxisme mempunyai banyak persamaan dengan Islam khususnya budaya penimbunan harta segelintir warga kaya yang bertentangan dengan Islam. Dalam kalangan mereka ini, yang paling terkenal ialah Mushir Hosain Kidwai yang lahir di India pada tahun 1878. Antara tahun 1913 hingga 1920 beliau telah menulis tidak kurang daripada 18 karya yang meliputi peranan wanita, perbandingan konsep syahid dalam pelbagai agama dan isu-isu politik di Turki. Bagaimanapun beliau menjadi terkenal lewat karya tentang persoalan kekhilafahan dan pentadbiran sendiri di Asia Selatan. Buku pertama yang dihasilkan beliau pula berjudul *Islam and Socialism*. Dalam karya ini beliau telah menukilkan pandangan tentang Sosialisme Islam ini.

*To us [Muslims], Socialism means an organized, continuous, and harmonious cooperation of individuals in all the affairs of life, whether industrial or economic, administrative or political, social or religious, with a view to securing universal well-being and general prosperity. The more general, the more brotherly, and the more equally balanced that co-operation is, the better would be the constitution of Socialism" (Kidwai 1912).*

Idea tentang Sosialisme Islam ini diteruskan oleh Ghulam Ahmed Parvez and Dr. Khalifa Abdul Hakim. Parvez yang merupakan seorang sarjana terkemuka dalam pengajian Islam yang telah menggunakan intipati al-Qur'an dalam menyebarluaskan fahaman Sosialisme Islam khususnya melalui penulisan beliau dalam akhbar *Talu-e-Islam*. Sementelah itu, Dr. Khalifah Abdul Hakim

yang merupakan seorang sarjana Islam turut menyebarkan ideologi ini. Pada tahun 1951 beliau menghasilkan karya '*Islam and Communism*' dan '*Iqbal Aur Mullah*' menyeru supaya lebih banyak peluang ekonomi kepada semua golongan rakyat (Nadeem 2013). Di samping itu, beliau menjelaskan bahawa doktrin Sosialisme Islam itu adalah sebagai sebahagian daripada elemen spiritual sepermulaan konsep kebajikan demokrasi yang diperlakukan dikebanyakannya negara Barat (Nadeem 2013).

Setelah Pakistan berpisah dari India dan membentuk sebuah negara merdeka, doktrin Sosialisme Islam diteruskan dan menjadi popular di bawah kepimpinan Presiden Zulfikar Ali-Bhutto ketika kempen pilihanraya tahun 1970-1971. Gagasan ini muncul sebagai ikhtiar dalam menyaingi konsep konservatisme Islam parti-parti Islam di Pakistan khususnya *Jamaat-e-Islami* (JI). Ali Bhutto percaya bahawa keadaan sosio-ekonomi Pakistan akan menjadi lebih maju melalui perlaksanaan kerangka ideologi ini (Chengappa 2002). Saranan beliau ditentang oleh kepimpinan JI khususnya *Amir* (ketua) perkumpulan tersebut, Maulana Al-Maudoodi yang menuduh bahawa Sosialisme Islam itu adalah ideologi atheis dan akan menghancurkan Islam di Pakistan. Jeneral Ali Bhutto dalam persaingan politik tersebut kemudiannya menggunakan pelbagai slogan Sosialisme Islam misalnya slogan '*Roti, Kapra Anur Makan* (Roti, Pakaian dan Rumah) dan slogan, '*Islam is our religion / democracy is our politic / Socialism is our economy*' (Sami Hussain 2022). Elemen sosialisme menjadi bahan kempen Ali Bhutto dan Parti Rakyat Pakistan (PPP). Misalnya dalam kempen pilihanraya di Gujarat pada 1 Mac 1970, Ali Bhutto mengungkapkan tentang perjuangan sosialisme beliau untuk membentuk satu sistem ekonomi yang adil untuk semua melalui penentangan terhadap kapitalisme dan eksploitasi. Beliau mengaitkan Sosialisme Islam dalam konteks pembangunan ekonomi sebagai dasar '*Kesaksamaan Islam*' (Equality) atau *Islamic Masawat*. Dalam mentakrifkan makna Sosialisme Islam ini, Ali Bhutto menjelaskan dalam ucapan beliau:

*The question is what is socialism? My dear friends, it is nothing but Islamic equality... Islamic Socialism means Islamic equality and, my dear brother, equality is a cardinal principle in Islam. Equality is the message of our Prophet. The Khulafa-e-Rashedeen based their governments on this principle. The people who are opposed to equality are not serving the cause of Islam. They (his opponents) are serving the cause of capitalists and mill owners. We have to establish only one industry and that will be the industry of Pakistan (Zulfiqar 1970).*

Ali Bhutto turut menolak kritikan pesaingnya bahawa ideologi Sosialisme Islam itu bertentangan dengan Islam. Dalam ucapan beliau di Jinnah Park, Pensshawar pada 18 Januari 1970 misalnya, Ali Bhutto menegaskan bahawa ideologi Sosialisme Islam itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam sebaliknya Sosialisme Islam akan membawa kemakmuran kepada Pakistan (Zulfiqar 1970). Kempen Sosialisme Islam Ali-Bhutto ini menarik perhatian majoriti rakyat Pakistan ketika itu yang rata-ratanya berada dalam kemiskinan tegar. Golongan bawahan para petani miskin menaruh harapan dasar kesaksamaan ekonomi PPP akan memberi manfaat kepada kemajuan taraf sosioekonomi mereka. Apatah lagi kumpulan penentang seperti Parti JI tidak menawarkan sebarang kerangka pembaharuan dan pembangunan ekonomi dalam kempen mereka sebaliknya hanya menggunakan modal agama sahaja. Sebagai hasilnya, PPP menang dengan majoriti kukuh dalam pilihanraya Pakistan ketika itu dengan memperolehi 87 kerusi daripada 138 kerusi parlimen yang dipertandingkan (Sanghro 2019).

## Sarekat Islam (SI) dan Pemikiran Sosialisme Cara Islam Tjokroaminoto.

Di Asia Tenggara, salah seorang tokoh yang menganjurkan pemikiran tentang Sosialisme berasaskan Islam terawal dan tersohor ialah Haji Oemar Said (H.O.S) Tjokroaminoto di Pulau Jawa. Beliau merupakan salah seorang intelektual dan pemimpin Islam terawal Indonesia yang mengisyiharkan Islam sebagai “*a binding factor and national symbol*” (Smith 1971; van Neil 1980). Tjokroaminoto merupakan seorang peribumi Jawa yang lahir pada 16 Ogos 1882 di Desa Bakur, Madiun, Jawa Timur (Mulawarman 2015). Bapanya Raden Tjokroamiseno adalah seorang pegawai peribumi berpangkat *wedana* atau ketua pegawai daerah di Madiun ketika era pentadbiran Belanda. Beliau adalah anak kedua daripada 11 orang adik beradik. Pendidikan awal tokoh ini bermula di sekolah dasar sebelum melanjutkan pelajaran ke OSVIA Magelang sehingga tamat pengajian pada tahun 1902. Ketika menuntut di OSVIA, beliau telah melangsungkan perkahwinan dengan isterinya, Soeharsikin dan kemudiannya menetap di desa Peneleh, Surabaya. Setelah tamat pengajian di OSVIA yang merupakan sekolah elit Belanda untuk melahirkan golongan birokrat peribumi, beliau telah bekerja sebagai jurutulis di pejabat pentadbiran Belanda sehingga tahun 1905. Antara tahun 1907 sehingga 1910 pula, Tjokroaminoto telah bekerja di firma Coy & CO. di Surabaya di samping sebagai pengendali mesin di *Burgerlijk Avondschool*. Selanjutnya beliau bekerja di kilang gula di Surabaya antara tahun 1911 sehingga tahun 1912 sebelum terjun ke area politik tempatan sebagai pemimpin Sarekat Islam yang terkemuka. Mulai tahun tahun 1930 beliau mengetuai pimpinan Sarekat Islam sehingga meninggal dunia pada tanggal 17 Disember 1934 ketika berusia 53 tahun dan dimakamkan di Taman Permakaman Umum Kuncen, Wirobrajan, Yogyakarta.

Menelusuri sejarah ringkas Sarekat Islam (SI) pimpinan Tjokroaminoto pula, organisasi ini telah ditubuhkan pada tahun 1911 di Surakarta. Pertubuhan ini asalnya lahir daripada perkumpulan beberapa pengusaha batik peribumi di daerah Laweyan, Surakarta. Tujuan penubuhannya yang diasaskan oleh seorang pengusaha batik terkemuka di Solo iaitu Haji Samanhoedi dan dikenali sebagai Sarekat Dagang Islam (SDI) pada peringkat awalnya, ialah untuk mencegah kegiatan kecurian batik yang berleluasa pada ketika itu. Selain itu, organisasi ini dibentuk bagi menyaingi cabaran perusahaan batik oleh pengusaha-pengusaha etnik Cina yang menubuhkan kesatuan mereka digelar *Kong Sing*. Pertubuhan ini kemudiannya berkembang dan namanya ditukar kepada Sarekat Islam ketika kongresnya yang pertama berlangsung pada tahun 1906 di Solo. Organisasi ini kemudian didaftarkan dengan pentadbir Belanda mulai 11 November 1911 walaupun terpaksa bersaing dengan organisasi tajaan Belanda iaitu Sarekat Dagang Islamiyyah yang ditubuhkan sejak 1909 di bawah pimpinan R.M. Tirto Adhisoerjo di Bogor. Pada 13 Mei 1912, dalam satu pertemuan di Surakarta, Tjokroaminoto telah dilantik sebagai ketuanya menggantikan Haji Samanhoedi setelah diusulkan oleh para perwakilan dari Surabaya. Umumnya, sejarah perkembangan organisasi ini boleh dibahagikan kepada beberapa fasa. Pertamanya ialah zaman penubuhannya iaitu antara tahun 1911 sehingga 1916, diikuti dengan era kedua antara tahun 1916 sehingga 1921 yang seringkali disifatkan oleh para peneliti sebagai zaman kemuncak; era tahun 1921 sehingga 1927 pula dianggap sebagai zaman konsolidasi kerana pertubuhan ini terpaksa bersaing dengan gerakan komunis dan tekanan yang lebih hebat oleh pemerintah Belanda serta period yang keempat mulai tahun 1927 sehingga tahun 1942 yang dilihat sebagai era pertubuhan ini berjuang untuk mengekalkan keberadaan mereka dalam forum politik Indonesia. Dalam konteks kepimpinan Tjokroaminoto dan ideologi Sosialisme cara Islamnya, makalah ini akan menfokuskan kepada dua period awal sehingga era kemuncaknya.

Tjokroaminoto, sepermama intelektual Islam Indonesia pada era 1920-an amat cenderung kepada aliran pemikiran reformis Islam lewat karya-karya terkenal ketika itu seperti *The Spirit of Islam* (1902) oleh Ameer Ali, *The Prophet* karya Muhamad Ali Muhamad dan M. Mushir Hosain Kidwai dalam *Islam and Socialism* (1912). Malahan, beliau juga menekuni pemikiran Barat melalui karya-karya Karl Marx seperti *Zur Kritik der Politischen Ökonomie* dan *Das Kapital*. Karya-karya ini kemudiannya disedari banyak mempengaruhi pemikiran dan falsafah politik Tjokroaminoto (Masyhur Amin 1995). Malahan menurut Jusuf Wibisono (1950) karya Tjokroaminoto iaitu Islam dan Sosialisme yang diluncurkan pada tahun 1924 itu juga merupakan cedukan daripada karya *Islam and Socialism* oleh intelektual Islam India, Hosain Kidwai pada tahun 1912. Selain itu, pada era kepimpinannya Tjokroaminoto juga terkenal sebagai seorang orator yang hebat dan beliau bertanggungjawab dalam mengasah bakat kepimpinan tokoh-tokoh politik Indonesia selepasnya seperti Semaun, Moesa dan Soekarno terutama ketika beliau tinggal di Peneleh, Surabaya. Justeru tidaklah hairan apabila beliau dianggap sebagai ‘guru bangsa’ kerana jasanya dalam membentuk karakter murid-muridnya menjadi generasi pemimpin bangsa terkemudian (Sayyidah 2017). Malahan kehebatan Soekarno dalam seni berpidato juga adalah hasil didikan beliau (Adams 1965). Pemikiran Tjokroaminoto dalam organisasi Sarekat Islam banyak berkisar kepada falsafah sosialisme yang bersandarkan kepada prinsip Islam. Pandangan beliau ini banyak diselitkan dalam artikel bersiri tulisan beliau seperti ‘Islam dan Sosialisme’ yang diterbitkan dalam akhbar *Soeara Boemiputra* pada tahun 1922. Visi kepimpinannya banyak meniupkan ruh Islam dalam jiwa bangsa masyarakat peribumi sebagai inti perjuangan dalam menuju kemerdekaan daripada penjajahan Belanda. Kecenderungan beliau terhadap ruh Islam dapat dikesan daripada sikap beliau yang memimpin Sarekat Islam supaya menolak kerjasama dengan Belanda sejak 1918, dan sikap ini adalah disebabkan penindasan Belanda terhadap masyarakat peribumi dikenali sebagai ‘politik hijrah’. Malahan sikap beliau ini digambarkan oleh pemerintah Belanda dengan julukan *de ongekroode van Java* atau ‘Raja Jawa tanpa mahkota’ (Budi 2016). Kecenderungan beliau tehadap Islam menonjol khususnya selepas dipenjara mulai Ogos 1921 sehingga April 1922. Mulai tahun tersebut, beliau aktif dalam gerakan Islam khususnya melalui Kongres Al-Islam yang disokong oleh sahabat beliau, Haji Agoes Salim serta tokoh-tokoh Muhamadiyyah dan Al-Irsyad. Malahan ketika berlangsungnya Kongres Al-Islam pada 31 Oktober sehingga 2 November 1922, beliau telah dilantik sebagai ketua kongres yang berlangsung di Cirebon, Jawa Barat. Sehingga tahun 1919, Tjokroaminoto telah berjaya menggembeleng keanggotaan jutaan peribumi dalam Sarekat Islam di seluruh Hindia Timur dengan falsafah perjuangannya yang berpaksikan Sosialisme cara Islam. Ketika itu beliau telah menulis karya berjudul ‘*Moeslim National Onderwijs*’ yang menjelaskan bahawa visi perjuangan dan kepimpinannya ialah menyeru kepada kembali kepada ajaran Islam yang asal sebagaimana Islam pada zaman permulaan tanpa sebarang tambahan atau pindaan yang baru (Sayyidah 2017).

#### Sosialisme dan Islam Menurut Tjokroaminoto.

Dalam konteks pemikiran Sosialisme cara Islam yang mendasari faham politik Tjokroaminoto serta organisasi Sarekat Islam pimpinannya, beliau telah mentafsirkan pengertian istilah sosialisme itu dari segi bahasanya sebagai ‘teman’ dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Jawa sebagai ‘kita’, dan dalam bahasa Arab sebagai ‘sahabat’. Menurut beliau, faham sosialisme itu berakar dari makna ‘angan-angan’ atau ‘fikiran yang nikmat’, pertemanan atau *muhasabah*. Sosialisme mengutamakan falsafah ‘pertemanan atau persahabatan’ dan ini jelas bertentangan dengan pegangan ‘individualisme’. Sosialisme, bagi beliau mengkehendaki cara hidup yang berasaskan

kepada prinsip ‘satu buat semua dan semua buat satu’, iaitu cara hidup yang hendak mempertunjukkan kepada kita bahawa kita memikul tanggungjawab atas perbuatan kita secara kolektif (Tjokroaminoto 2017). Beliau bagaimanapun mengakui bahawa terdapat pelbagai pengertian tentang sosialisme itu. Namun, dalam kepelbagaian itu terdapat satu persamaan yang nyata tentang erti sosialisme yang disimpulkan oleh beliau sebagai;

*Satu cita-cita pengaturan (teori) yang bertentangan dengan dengan peraturan pergaulan hidup bersama (maafscappeliik system) yang berlaku di negeri-negeri yang umumnya disebut sotan, yaitu peraturan (sistem), yang memberi keleluasan kepada orang-orang yang merdeka dalam urusan politik (politiek vrije individuen) akan bersaing dengan bebas di dalam hal mengeluarkan dan membagi hasil (ophet gebied de productie on verdeeling), dan bebas pula akan mempunyai hak milik (eigendomsrecht) di atas perkakas-perkakas buat mengeluarkan hasil (productiemiddelen) (Tjokroaminoto 2017)*

Dalam karya beliau Islam dan Sosialisme, Tjokroaminoto menyatakan bahawa terminologi ‘Sosialisme Islam’ itu adalah bersandarkan ajaran Islam sebagaimana yang diwahyukan dalam al-Qur'an dengan memetik ayat 213, Surah Al-Baqarah yang menyebut “*ka annastu ummatun wahidatan*” (Tjokroaminoto 2017). Dalam mentafsirkan ayat ini, beliau berhujah bahawa dalil ini menunjukkan bahawa Islam telah menganjurkan satu kesatuan dan umat Islam wajib berusaha untuk mencapai keselamatan kesatuan tadi. Bagi Tjokroaminoto inilah pokoknya sosialisme yang sejati iaitu ‘sosialisme cara Islam’ dan bukannya sosialisme cara Barat. Malahan beliau menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W itu merupakan ‘Penggubah Sosial Besar’ yang telah menanamkan akar-akar sosialisme dalam kehidupan masyarakat Arab. Sementelah itu, sahabat-sahabat Baginda misalnya Saidina Umar r.a merupakan pengasas kepada ‘Republik Sosialis’ dengan segala kemajuan yang ajaib (Tjokroaminoto 2017). Menurut beliau selanjutnya, dalam melaksanakan perintah-perintah menjalankan amal ibadah misalnya, Nabi Muhamad S.A.W merupakan penggubah terbesar tentang hal ehwal pergaulan hidup manusia bersama (*social hervormer*) tanpa melupakan asas-asas sosialisme. Beliau memberikan contoh ibadah misalnya solat berjemaah dan mengerjakan haji sebagai gambaran ‘sosialisme cara Islam’ yang mendukung prinsip ‘persamaan’ dan ‘persaudaraan’ sosialisme. Begitu juga dalam aspek amalan sedekah dan konsep persaudaraan dalam Islam yang jelas menepati ciri-ciri sosialisme (Tjokroaminoto 2017). Dalam konteks ini, pemikiran Tjokroaminoto jelas dipengaruhi oleh idea-idea Sosialisme Islam janaan Kidwai dari India. Malahan Kidwai dalam bukunya *Islam and Socialism* turut mengaitkan ideologi ini dengan era awal kemunculan Islam. Menurut Kidwai, “*The key-note of Muhammad's Socialism was the spiritual and moral advancement of the people. His Socialism was ethical, while modern Socialism is materialistic*” (Kidwai 1912).

Pemikiran Tjokroaminoto tentang Sosialisme cara Islam tidak lepas daripada menerima cabaran dan kritikan daripada segelintir tokoh-tokoh Islam konservatif di Hindia Timur ketika itu. Salah seorang daripadanya bernama Usman Husaini. Usman ketika itu merupakan Penasihat Kehormat (Adviseur Honorarir) Belanda dalam hal ehwal dan urusan komuniti Arab. Beliau sendiri merupakan seorang yang berketurunan Arab dan menjawat posisi sebagai mufti Betawi. Beliau telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang memperlekehkan perjuangan Sarekat Islam misalnya dalam hal yang berkaitan dengan konsep jihad menentang penindasan Belanda. Contohnya Usman dalam karya beliau *Minhaj Al-Istiqamah fi Al-Din bi Al-Salamah* menegaskan bahawa gerakan dan seruan jihad hanya akan merugikan pergerakan nasional (Rambe 2008). Beliau menyatakan bahawa Islam itu bukanlah menganjurkan kepada penentangan sebaliknya perdamaian. Maka tidaklah selayaknya orang Islam itu melakukan penentangan terhadap Belanda hingga menyebabkan kesengsaraan. Fatwa dan ucapan-ucapan Usman kemudiannya disebarkan

keseluruh Hindia Timur dengan maksud menghentikan kecenderungan rakyat biasa dalam menyokong gerakan Sarekat Islam. Malahan beliau menuduh bahawa organisasi Sarekat Islam dan pemikiran Tjokroaminoto itu adalah bertentangan dengan ajaran Islam (Rambe 2008).

Merenung kembali pemikiran Sosialisme cara Islam oleh Tjokroaminoto, seperti yang disebutkan dalam perbincangan awal makalah ini tentang amalan sedekah, Tjokroaminoto juga menyatakan bahawa asas perkongsian dalam kehidupan Islam seperti anjuran bersedekah dan berzakat merupakan salah satu contoh adanya persamaan antara Islam dan Sosialisme. Dalam konteks ini, sosialisme menjunjung tinggi nilai-nilai sama rata dan kebersamaan, atau dalam ertikata lain bahawa setiap kegiatan yang dilakukan oleh manusia dalam kehidupannya diperuntukan elemen kepentingan bersama yang lebih utama berbanding kepentingan individu. Falsafah Sosialisme dalam Islam menganjurkan elemen persamaan sesama manusia tanpa membezakan latar belakang dan strata sosial lantas melahirkan persaudaraan yang kukuh sebagai satu ummah atau *Ummah Islamiyyah* (Sayyidah 2017). Dalam melanjutkan huraianya tentang elemen persamaan dalam Islam ini, Tjokroaminoto merujuk kepada sejarah Saidina Umar R.A yang menulis surat kepada Abu Ubaidah R.A yang menekankan soal persamaan layanan antara orang miskin dan kaya dalam kisah Jabalah Ibn Ayhim yang bongkak dengan seorang miskin dari suku bangsa Fizarah (Tjokroaminoto 2017).

Berhubung elemen persaudaraan pula, beliau melihat era kepimpinan Rasulullah S.A.W di Madinah ketika melaksanakan ibadah solat secara berjemaah tanpa ada perbezaan darjah atau kedudukan sebagai lambang sosialisme dalam Islam. Beliau berhujah dengan memetik contoh-contoh sejarah, hadith Nabi dan ayat al-Qur'an (Tjokroaminoto 2017). Lanjutan itu, konsep persaudaraan ini beliau anjurkan dalam organisasi Sarekat Islam yang dipimpinnya. Organisasi Sarekat Islam yang diasaskan oleh Haji Samanhoedi, yang asalnya bagi menyatukan pedagang-pedagang batik peribumi Jawa telah digunakan oleh Tjokroaminaoto untuk menerapkan konsep persaudaraan berdasarkan kepada nilai-nilai Sosialisme dan Islam yang dianutinya. Dalam banyak kongres dan pertemuan Sarekat Islam, elemen ini memenuhi inti pidatonya untuk dipasangkan dalam sanubari setiap anggota masyarakat peribumi tanpa mengenal latar belakang darjah dan kedudukan.

Percikan idea tentang Sosialisme dalam Islam oleh Tjokroaminoto ini mula tersebar apabila beliau buat pertama kalinya menerbitkan artikel bersiri 'Islam dan Sosialisme' di akhbar *Soeara Boemipoetra* pada tahun 1922 (Shiraisi 2005). Selanjutnya dalam pertemuan Kongres Islam pada 31 Oktober hingga 2 November 1922 di Cirebon, beliau meluncurkan secara terbuka idea-idea tentang Sosialisme cara Islam ini. Idea beliau ini selanjutnya diproklamasikan sebagai ideologi Sarekat Islam dalam Kongres Nasional Centraal Sarekat Islam ke-7 pada 17-23 Februari 1923 di Madiun. Proklamasi itu sekaligus menukar Sarekat Islam menjadi Partai Sarekat Islam Indonesia (PSII). Idea-idea beliau turut disebarluaskan melalui pelbagai media baik dengan menggunakan nama beliau sendiri atau melalui organisasi pimpinannya. Antaranya termasuklah akhbar *Oetoesan Hindia*, *Soeleh Hoekoem*, *Fadjar Asia*, *Al-Islam*, *Al-Djihad* dan *Bandera Islam*. Begitu juga dengan media wilayah seperti *Hindia Serikat* dan *Matahari* di Bandung dan akhbar *Pantjaran Warna* kelolaan Raden Goenawan di Batavia (Jakarta). Menurut Hamad (2004), akhbar-akhbar ini tersebar luas dan berkembang khususnya apabila pemerintah Belanda mula bersikap lunak terhadap pertumbuhan akhbar lewat kurun ke-20 berbanding kawalan ketat sebelumnya melalui *Regerings Reglement*, 1854 dan *Drunkpersreglement*, 1856. Antara akhbar yang terpenting sekali dalam menyebarkan idea-idea tentang Sosialisme cara Islam ini ialah *Oetoesan Hindia* yang diterbitkan pertama kalinya pada Disember 1912 yang dipunyai (directeur administratur) oleh Tjokroaminoto, dan beliau sendiri sebagai ketua sidang redaksi (Varanwoordelijk Hoofdredacteur)

melalui syarikat NV *Handfl-Maatschappij Setija Oesaha*, Surabaya (Korver 1985). Setelah *Oetoesan Hindia* ditamatkan penerbitannya lewat tahun 1923, Tjokroaminoto meneruskan aktivitinya melalui akhbar *Fadjar Asia* bersama teman karib beliau Haji Agoes Salim. Idea dan kritikan beliau tentang penindasan kelompok kapitalis terhadap golongan *kromo*, buruh, *wong cilik* (orang kecil atau rakyat bawahan) yang mendasari faham Sosialisme cara Islam diteruskan dan tersebar luas ke seluruh Hindia Belanda melalui akhbar ini sebelum diganti dengan akhbar *Bandera Islam* pada tahun 1924 (Aji Dedi 2015).

### Sosialisme, Islam dan Kemerdekaan Bangsa

Berasaskan kepada ideologi Sosialisme cara Islam, Tjokroaminoto berjuang untuk memerdekakan bangsa Indonesia dari belenggu kemiskinan akibat daripada dasar-dasar imperialis Belanda. Dalam banyak tulisan dan pidatonya, beliau mengkritik regim Belanda dan menyeru kepada kesaksamaan antara golongan peribumi dan Eropah. Misalnya pada tahun 1914 dalam sebuah sajak yang diterbitkan oleh akhbar *Doenia Bergerak*, beliau menyeru kepada layanan sama rata untuk golongan peribumi bawahan. Dalam pidatonya di Bandung lewat tahun 1916 pula, Tjokroaminoto menyeru,

*Tidaklah wajar untuk melihat Indonesia sebagai sapi perahan yang diberi makan hanya disebabkan oleh susunya. Tidaklah pada tempatnya untuk menganggap negeri ini sebagai suatu tempat di mana orang datang dengan maksud mengambil hasilnya, dan pada saat ini tidaklah lagi dapat dipertanggungjawabkan bahawa penduduknya, terutama golongan peribumi, tidak mempunyai hak untuk berpartisipasi di dalam masalah-masalah politik yang menyangkut nasibnya sendiri... (Budi 2016)*

Pemikiran Tjokroaminoto tentang kemerdekaan bangsa yang dimanifestasikan dalam perjuangan Sarekat Islam kemudiannya telah memberikan inspirasi kepada kebangkitan nasionalisme Indonesia, seterusnya menumbuhkan gerakan kemerdekaan bangsa Indonesia kemudiannya. Menurut Valina Singka Subekti,

*Syarikat Islam (SI) merupakan pelopor gerakan nasional Indonesia yang paling awal...sebagai gerakan massif yang menentang kolonialisme, SI menghimpun kekuatan sosial yang bersifat transprimordial, multietnik, dan ideologis..Dari 'rahim' gerakan SI lahir tiga gerakan politik yang kontribusinya sangat signifikan bagi Indonesia, yaitu Partai Nasional Indonesia berdasarkan Nasionalisme dipimpin Sukarno (1927), partai Komunis Indonesia pimpinan Semaun (PKI, 1920) dan gerakan Darul Islam pimpinan Sekarmadji Maridjan Kartosuwirjo (Subekti 2014).*

Bagi Tjokroaminoto, keadaan manusia yang merdeka mampu melahirkan keadaan keselamatan hidup yang merupakan tujuan akhir dalam Islam. Manusia itu mestilah merdeka dan tidak merasa sebarang ketakutan kepada manusia lain kecuali kepada Allah S.W.T. Beliau kemudiannya memetik kalimat dzikir *hauqalah* dari hadith Nabi S.A.W iaitu “*lahaula wala kuwwata illah billah*” (Tidak ada pertolongan dan kekuatan melainkan dari Allah S.W.T belaka) dan ayat al-Qur'an “*iyyaka na'budu wa iyyaka nasta'in*” (Tjokroaminoto 2017). Selain itu beliau juga mengimbau tentang sejarah orang Arab yang tidak gentar dengan ancaman daripada empayar Rom dan Parsi sebaliknya kekal yakin dan merdeka. Dalil-dalil ini menurut beliau adalah saranan Sosialisme berdasarkan kerangka Islam bahawa manusia itu tidak perlu takut dan tunduk kepada manusia lain sebaliknya merdeka dan bebas menentukan halatuju kehidupan mereka. Selain itu, beliau turut menekankan tentang asas keadilan sosial dalam kelangsungan hidup masyarakat peribumi ketika itu, bukan sahaja keadilan dalam sektor ekonomi tetapi melangkaui aspek

sosipolitik. Bagi Tjokroaminoto dasar-dasar Sosialisme menurut Islam ini bukan sahaja dipraktiskan oleh Rasulullah S.A.W malahan beliau menyifatkan bahawa sahabat-sahabat baginda seperti Saidina Abu Bakar R.A., Saidina Umar R.A. dan Saidina Ali R.A juga adalah bersifat sosialis (Tjokroaminoto 2017).

Sementelah itu menurut Azyumardi Azra (2014) pula, program dan naratif yang diusung oleh Tjokroaminoto dan Sarekat Islam itu intinya ialah menuntut kemerdekaan Nusantara daripada Belanda. Kendati pun begitu, menurut ahli sejarah seperti Anhar (2016) bahawa ketika Tjokroaminoto memimpin Sarekat Islam, bangsanya belum tahu cara yang paling berkesan untuk memerdekakan Indonesia daripada cengkaman penjajahan. Justeru beliau tidak menggunakan kaedah fizikal dalam mencetuskan gerakan kemerdekaan bangsa. Hal ini berasaskan penilaian beliau bahawa sejak kurun ke-17, biarpun muncul beberapa kebangkitan menentang Belanda tetapi semuanya berakhir dengan kekalahan. Justeru beliau menggunakan strategi ‘idea-idea rasional’ dalam menyedarkan anak bangsanya tentang peri pentingnya sebuah kemerdekaan bangsa. Pemikiran beliau tentang kemerdekaan ini amat jelas dan dianggap oleh ramai pengkaji sebagai pemimpin peribumi pertama yang menyatakan secara terbuka landasan pengaturan hidup bersama sekiranya bangsa Indonesia berkesempatan menentukan nasib sendiri dan merdeka (Anhar 2016; Shiraishi 2016; Firman Noor 2022). Berdasarkan kepada falsafah Sosialisme cara Islam, Tjokroaminoto berkeyakinan bahawa kemerdekaan negara adalah prasyarat utama dalam mempraktiskan Islam dalam segenap aspek kehidupan. Malah menurut beliau tanpa kemerdekaan adalah mustahil untuk mencapai nasionalisme bangsa yang secocok dengan idealisme Islam tentang perpaduan Ummah (Firman Noor et al. 2022). Justeru tidaklah keterlaluan untuk menyimpulkan bahawa idealisme beliau untuk memerdekaan bangsa Indonesia telah memberikan inspirasi kepada pejuang kemerdekaan Indonesia terkemudian untuk bergerak secara fizikal seperti anak didiknya, Soekarno.

### Keadilan Sosial, Anti-Kapitalis dan Anti-Feudal

Tjokroaminoto dalam faham Sosialisme cara Islamnya menekankan falsafah keadilan sosial dan menentang keras budaya feudalisme dalam kalangan masyarakat peribumi jawa. Ketika beliau memimpin Sarekat Islam, Tjokroaminoto menentang budaya feudalisme yang merajai golongan *ningrat* (bangsawan) di Jawa. Tjokroaminoto telah memobilisasi bangsa Indonesia untuk mencabar budaya feudal yang berakar umbi dalam kalangan peribumi tempatan ketika itu (Firman Nor et al. 2022). Di kota Solo misalnya, budaya feudalisme ini begitu kental diamalkan ketika itu. Contohnya rakyat jelata dilarang mengenakan kain batik bermotif kawung yang dikhaskan untuk raja dan kerabatnya. Kaum bangsawan juga kemudiannya terikut-ikut dengan mengharamkan rakyat biasa memakai kain batik bercorak parang rusak, sidomukti dan sidoluhur. Menurut ahli sejarah terkemuka Indonesia, Sudhamorno ‘mereka melakukan perkara ini untuk memastikan agar simbol kebangsawan mereka terpelihara’ (Budi 2016). Begitu juga beberapa jalan di kota Solo dilarang dilalui oleh rakyat biasa seperti jalan utama menuju ke Keraton Kasunanan Surakarta yang dikhaskan untuk kerabat di raja. Alam fikir beliau yang menentang budaya feudal ini amat ketara sehingga sanggup meninggalkan gelar ‘ningrat’ kebangsawan sendiri, malah redha diancam bunuh oleh mertua beliau yang dianggap sebagai menghambakan diri kepada penjajah (Sayyidah Mawani 2017). Tjokroaminoto melihat budaya feudal ini sebagai keterlaluan, malahan beliau menulis dalam akhbar *Neratcha* terbitan 16 Mac 1912 dan akhbar *Fadjar Asia* bertarikh 29 Januari 1929 menceritakan aktiviti jijik golongan bangsawan ini yang mencari perempuan cantik dari rakyat kelas bawahan sebagai wanita simpanan dengan cara sewenang-wenangnya termasuk

melalui penculikan (Budi 2016). Justeru penubuhan Sarekat Islam sendiri merupakan manifestasi terhadap penentangan budaya feudalisme ini.

Pada era zaman awal penubuhan Sarekat Islam, diskriminasi golongan *ningrat* melangkaui strata sosial, ekonomi dan arus politik tempatan. Penubuhan Sarekat Islam itu sendiri hakikatnya adalah sebagai wadah bagi golongan bawahan apabila organisasi peribumi yang lebih awal seperti Boedi Oetomo yang ditubuhkan pada 20 Mei 1908 oleh Soetomo didominasi oleh golongan elit Jawa. Malahan walaupun asalnya pertubuhan ini diasaskan oleh para siswa sekolah kedoktoran Jawa- STOVIA seperti Gunawan Mangoenkoesoemo, Soradji, Soewarno dan Soetimo, namun kemudiannya pertubuhan ini didominasi oleh golongan elit Jawa. Hal ini jelas kelihatan misalnya dalam kongres Boedi Oetomo yang pertama pada Oktober 1908 di Gedung Sekolah Pendidikan Guru (Kweekschool) Yogyakarta. Kongres ini dihadiri majoritinya golongan *priyayi* Jawa seperti Sri Paku Alam V, anaknya Pengiran Ario Noto Dirodjio dan kerabat-kerabat raja serta bupati seperti Pengiran Hadi Widjojo dan Bupati Karangayar Radin Adipati Tirtokoesoemo. Tidak seperti golongan *priyayi* Jawa ini, Tjokroaminoto memimpin Sarekat Islam untuk golongan peribumi tanpa mengira darjah dan keturunan. Sarekat Islam kemudiannya muncul dalam mencetuskan semangat ‘kebangsaan’ bagi kaum *kromo* atau rakyat jelata Malahan beliau sendiri biarpun berdarah bangsawan tetapi memilih untuk hidup dengan penuh kesederhanaan sehingga menolak untuk menggunakan gelar Raden pada awal namanya. Rumah beliau di Surabaya pula begitu sederhana di tengah-tengah perkampungan padat kota Surabaya. Beliau tinggal bersama isterinya Ibu Roestina, seorang wanita biasa bukan keturunan *priyayi*, wanita *kromo*, asal penari jawa dari Surakarta dan lima anaknya – Oetari, Oetarjo Anwar, Harsono, Islamiyyah dan Sujud Ahmad. Malahan di bahagian belakang rumahnya dijadikan kamar-kamar sewa yang kemudiannya menjadi tempat tinggal dan perkumpulan pemimpin politik Indonesia seperti Alimin, Muso, Soeharman Kartowisastro, Semaoen dan Sukarno, yang kemudiannya menjadi menantu beliau. Pernah suatu ketika apabila diziarahi oleh Haji Samanhoedi pada Mei 1912, Tjokroaminoto menyatakan bahawa beliau adalah sedarjat dengan semua orang sehingga kelaknya menyebabkan beliau diangkat sebagai wira rakyat yang digelar ‘*Gatotkoco Sarekat Islam*’ (Budi 2016).

Tjokroaminoto juga amat lantang dalam mengkritik kerakusan gerombolan kapitalis yang menjarah kekayaan bumi Indonesia khususnya imperialis Belanda. Dalam deklarasi yang diproklamasikan lewat Kongres Sarekat Islam yang ke-2 pada 1917 ditegaskan bahawa Sarekat Islam akan '*fights sinful capitalism which is the origin of the present deterioration economic condition of the largest part of the Indonesian population*'. Dalam konteks ini ‘*sinful capitalism*’ yang dimaksudkan oleh beliau ialah regim Belanda yang merupakan “*the colonial capitalism which exploited Indonesia for the benefit of foreign countries*” (Wertheim 1956). Pemikiran beliau telah banyak dipengaruhi oleh kondisi ekonomi peribumi ketika itu yang amat sengsara dimiskinkan oleh Belanda dan kaum bangsawan tempatan sendiri. Kemiskinan ini telah menyebabkan bangsa peribumi tertinggal dalam pelbagai aspek pembangunan khususnya dalam bidang pendidikan dan pemilikan tanah. Keadaan ini telah menyumbang kepada idealisme perjuangan Tjokroaminoto dalam membela ekonomi bangsanya yang ditindas kapitalis dan imperialis (Notodijoyo 1985). Dasar anti kapitalisme ialah salah satu fokus dalam falsafah Sosialisme cara Islam Tjokroaminoto. Menurut Aziz (2018) hal ini disebabkan oleh tegahan Islam terhadap budaya kapitalisme seperti larangan terhadap amalan *riba*. Bagi Tjokroaminoto, sebarang bentuk eksloitasi kapitalisme seperti upah yang rendah kepada pekerja dan pembahagian keuntungan yang tidak adil oleh sesuatu perusahaan dilarang dalam Islam.

## Menyanggah Sosialisme-Marxisme Barat

Tjokroaminoto menongkah arus pemikiran masyarakat Jawa pada ketika itu apabila berpandangan bahawa sosialisme itu pada asasnya tidaklah segalanya bertentangan dengan Islam. Malahan menurut Tjokroaminoto tiap-tiap ajaran sosialisme itu adalah berdasarkan kepada asas-asas falsafah dan asas-asas agama. Sosialisme yang dituntut dan dilakukan bagi Tjokroaminoto mestilah sosialisme yang berasaskan kepada ajaran-ajaran Islam bertujuan untuk mendapatkan kebahagian di dunia dan di akhirat. Tjokroaminoto amat tegas dalam membezakan sosialisme menurut Islam dengan fahaman sosialisme Barat khususnya aliran Sosialisme Marxist/Lenin yang menjadi anutan faham Komunisme. Malahan sejarah membuktikan beliau ketika memimpin Sarekat Islam amat tegas dalam menentang penyebaran ideologi komunisme ini. Dari satu sudut, Tjokroaminoto telah memberikan tafsiran yang jelas untuk membezakan Sosialisme cara Islam dengan Sosialisme Marxis dan Komunisme ini. Menurut beliau komunisme Marxist/Lenin itu sebagai;

*Segala peraturan (stelsel) yang menyerang sifatnya kepunyaan seseorang (den particulieren eigendom in zijnwezijn) dan buat mengganti dia hendaknya dilakukan semacam aturan (commuo boniorum), yaitu barang-barang itu hendaklah dimiliki bersama (geoderenggemeenschap). Angan-angan atau pikiran commuo bonorum senantiasa bergandeng dengan perkataan komunisme, dan pengaturan communion (memiliki, mempunyai bersama) itu yang menjadi ukuran bagi macam-macam bahagiannya komunisme (Tjokroaminoto 2017).*

Bagi Tjokroaminoto, sosialisme atau kolektivisme menurut pengertian komunis ini ialah tiap-tiap peraturan tentang urusan harta benda (economisch) yang di dalamnya menetapkan dua peraturan iaitu:

- i. Bahawa kepunyaan (eigendom) atas alat-alat produksi itu hendaknya diserahkan kedalam tangannya perikatan orang hidup bersama (gemeenschap)
- ii. Bahawa lebih jauh segenap ketertiban tentang harta benda (de geheele economi orde) itu hendaknya diatur oleh perikatan orang hidup bersama, lebih tegas: perikatan orang hidup bersama hendaknya menetapkan, apa dan bagaimanakah harus dikeluarkannya barang-barang, dan betapakah barang-barang yang sudah dikerluarkan itu harus dibagi-bagikan. Hanya memakainya barang-barang yang sudah dibagi itu saja yang tinggal tetap menjadi perkaranya seseorang masing-masing (privaatzaak) (Tjokroaminoto 2017).

Berdasarkan kepada takrifan dan peraturan dalam Sosialisme Marxist ini, Tjokroaminoto kemudiannya membezakannya dengan takrifan dan peraturan dalam Sosialisme mengikut kerangka Islam. Menurut beliau, jika kita menyebutkan sosialisme itu sebagai satu peraturan tentang urusan harta benda (economisch stelsel) maka tidaklah bermaksud bahawa sosialisme itu tidak mempelajari ajaran-ajaran agama dan falsafah (wijsgeering). Sebaliknya setiap sosialisme itu haruslah berdasarkan kepada asas-asas agama, dan sosialisme yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam ialah sosialisme yang berdasarkan kepada asas-asas Islam. Menurut beliau lagi “sosialisme yang kita tuju bermaksud mencari keselamatan di dunia dan akhirat”. Beliau menolak pandangan tentang kehidupan Marxisme (leven-sbeschouwing) yang mengajarkan bahawa segala sesuatu itu berasal daripada benda dan kembali kepada benda (uif de stof, door de stof, tot de stof ziin alle dingen), sebaliknya beliau menegaskan falsafah Sosialisme cara Islam yang berikrar bahawa segala sesuatu itu asalnya dari Allah, oleh Allah dan kembali kepada Allah (uit God, door

God entot God illin alle dingen) (Tjokroaminoto 2017). Menurut Tjokroaminoto lagi, Marxisme itu yang menganjurkan *Materialism* atau *Wenschappeilik Socialisme* adalah sesat kerana bukan sahaja memungkiri Allah S.W.T. sebagai asal kepada sesuatu tetapi bagi mereka asal sesuatu sifat, perasaan dan kehidupan adalah benda, atau tepatnya kumpulan ini bertuhankan benda (stofverguding) (Tjokroaminoto 2017). Amatlah jelas Tjokroaminoto menolak faham sosialisme tanpa bersandarkan kepada prinsip-prinsip agama. Bagi beliau, sosialisme yang berlandaskan kepada agama adalah sosialisme yang sempurna. Ertinya, sosialisme semata-mata sepetimana yang difahami dan dianuti di Barat tidak sempurna sebaliknya sosialisme itu memerlukan agama untuk membawa kepada suatu pencerahan rohaniah yang akhirnya berupaya membentuk karakter dan membangunkan kemanusiaan yang sebenar.

Pemikiran tentang dasar Islam dalam sosialisme ini, dan penentangan terhadap faham kebendaan Marxisme-Komunis diterjemahkan dalam bentuk tindakan praktikal apabila beliau nekad menyingkirkan penularan gerakan Sarekat Islam Merah berfahaman Marxist. Beliau malahan menegaskan bahawa sosialisme berdasarkan Islam itu bukanlah penggabungan antara sosialisme yang berasal dari Barat dengan ajaran Islam. Sebagaimana yang disebut oleh beliau bahawa cita-cita sosialisme dalam Islam telah berkembang selama tiga belas abad lebih awal dari Barat dan tidak boleh dikatakan berasal daripada pemikiran Barat (Tjokroaminoto 2017). Akhirnya, Tjokroaminoto sentiasa menegaskan pegangan beliau bahawa “bagi umat Islam tidak ada sosialisme atau rupa-rupa ‘isme’ lain-lainya, yang lebih baik, lebih indah dan lebih mulus, selain daripada sosialisme yang berdasarkan Islam” (Tjokroaminoto 2017). Walau bagaimanapun Tjokroaminoto selanjutnya masih mengakui bahawa faham sosialisme Barat dan sosialisme berdasarkan tuntutan Islam itu mempunyai beberapa persamaan. Antara persamaan yang ditemukan ialah beberapa asas penting seperti perikemanusiaan, persamaan, persatuan dan persaudaraan. Bagi Tjokroaminoto, tiga elemen penting dalam sosialisme iaitu kemerdekaan (virjhei-liberty), persamaan (gelijkheid-equality) dan persaudaraan (broederschap-fraternity) jelas turut termaktub sebagai asas-asas ajaran Islam yang ditegakkan melalui Rukun Islam yang lima (Sayyidah 2017; Tjokroaminoto 2017). Menurut Tjokroaminoto lagi;

*Sungguhpun begitu, adalah satu perkara yang sangat bersamaan adanya, iaitu bahawasanya semua kaum sosialis itu berkata hendak melindungi kepentingan-kepentingan, hak-hak dan kewajibannya, perikatan orang hidup bersama (gemeenschap)di atas hawa nafsunya seorang diri atau segolongan manusia yang kecil (Tjokroaminoto 2017).*

Idealisme Tjokroaminoto tentang persamaan Sosialisme cara Islam dan Barat ini bagaimanapun mempunyai batasannya. Beliau dengan tegas menolak Sosialisme Barat yang bertentangan dengan Islam khususnya fahaman Komunis Marxisme. Penentangan beliau bukan sekadar di alam fikiran, sebaliknya diterjemahkan dalam bentuk tindakan ketika beliau memimpin organisasi Sarekat Islam. Antara tempoh tahun 1919 sehingga tahun 1920 ketika Sarekat Islam mencapai zaman kemuncaknya telah muncul golongan kiri dalam organisasi tersebut yang terpengaruh dengan Revolusi Komunis Lenin di Rusia yang tercusus pada Oktober 1917. Hendricus Josephus Franciscus Marie Sneevliet atau Sneevliet, seorang Belanda adalah individu yang bertanggungjawab membawa masuk ideologi komunis Marxist/Lenin kedalam organisasi Sarekat Islam. Beliau telah menubuhkan *Indische Sociaal Democratische Veerniging* (ISDV) di Hindia Belanda sejak tahun 1914 yang kemudiannya berjaya mempengaruhi beberapa pemuda radikal dalam SI seperti Semaoen, Haji Misbach, Darsono, Alimin dan Moeso untuk menyebarkan ideologi Marxisme dalam organisasi Sarekat Islam bermula di cawangannya di Semarang pada tahun 1915. Kumpulan yang berhaluan kiri dan radikal ini berjaya menyusup masuk dalam

organisasi Sarekat Islam dan seringkali mengkritik ideologi Sosialisme cara Islam janaan Tjokroaminoto. Contohnya ketika berlangsung Kongres Nasional Pertama *Centraal Sarekat Islam* (CSI) di Bandung pada tahun 1916, Semaoen mengkritik secara terbuka prinsip Islam yang diterapkan dalam sosialisme Tjokroaminoto dan pendekatan aman yang dilaksanakan oleh Sarekat Islam ketika berdepan dengan Belanda. Dalam konteks yang kedua ini, Semaoen misalnya mengkritik keanggotaan 19 wakil rakyat dalam *Volksraad* yang disifatkan sebagai alat kapitalisme Belanda memandangkan hanya seorang sahaja dalam kalangan wakil peribumi, iaitu Tjokroaminoto yang dilihat memperjuangkan hak rakyat. Semaoen kemudiannya mendesak melalui tulisannya seperti dalam akhbar *Sinar Djawa* dan *Sinar Hindia* pada tahun 1918 supaya kepimpinan Sarekat Islam seperti Tjokroaminoto, Tjipto Mangoenkoesoemo, Dwidjosewojo dan Abdul Moeis memulaukan *Volksraad* (Rambe 2008).

Pengaruh golongan kiri berfahaman Komunis Marxist ini kian mengukuh apabila Semaoen sendiri terpilih dalam jawatankuasa Jabatan Komisaris CSI dan pengaruh ISDV dan fahaman radikal Komunisnya makin jelas apabila ISDV bertukar menjadi Partai Komunis Indonesia (PKI) tanggal 23 Mei 1920. Juak-juak ISDV dalam Sarekat Islam kemudiannya secara terbuka mengisyiharkan mereka sebagai penganut komunis seutuhnya (Nasihin 2009). Tjokroaminoto dan rakan-rakan sealirannya dalam Sarekat Islam seperti Haji Agoes Salim dan Abdul Moeis berusaha untuk memastikan pengaruh Marxisme yang terkenal dengan gelaran kumpulan Sarekat Islam Merah ini dihapuskan dari organisasi Sarekat Islam induk. Tjokroaminoto sendiri dalam usaha membendung penularan ideologi komunis dan kekeliruan anggota Sarekat Islam tentang faham Marxisme ini kemudiannya meluncurkan karya terkenal beliau *Islam dan Sosialisme* pada tahun 1924 bagi menjelaskan beza fahaman Sosialisme cara Islam dengan Sosialisme Komunis-Marxisme yang dianuti oleh pengikut Sarekat Islam Merah. Gerakan radikal Sarekat Islam Merah ini kemudiannya mencetusnya konflik terbuka dengan pemerintah Belanda khususnya dengan gabenor Belanda baharu, Dirk Fork (Aji 2015). Golongan kiri ini melalui kumpulan yang bersekutu dengan Sarekat Islam seperti Persatuan Pergerakan Kaum Buruh telah dirasuk dengan fahaman komunis dan melakukan tindakan-tindakan subversif seperti mogok-mogok pekerja yang bukan sahaja mengancam pentadbiran Belanda tetapi juga memberi tempias kepada survival politik Sarekat Islam. Kesannya ramai pemimpin Sarekat Islam ditangkap oleh kolonial Belanda termasuklah Tjokroaminoto sendiri. Pada tahun 1921, ketika berlangsungnya Kongres Nasional Sarekat Islam ke-6 di Surabaya, kepimpinan Sarekat Islam yang diterajui oleh Haji Agoes Salim pada masa itu, (Tjokroaminoto ketika iaitu masih dalam penjara setelah ditangkap pada 6 Mac 1921 atas tuduhan berfahaman komunis dan hanya dibebaskan pada bulan April 1922) telah mengambil tindakan tegas menyingkirkan kumpulan Sarekat Islam Merah daripada menjadi anggota kepada Sarekat Islam induk sekaligus membebaskan organisasi itu daripada pengaruh Komunis Marxisme.

Menurut Bonnie (2016) berbeza dengan pemimpin-pemimpin Marxist Indonesia seperti Semaoen, Tjokroaminoto tidak mengimani Marxisme. Walau bagaimanapun beliau tidaklah menolak secara total termasuk elemen-elemen positif dalam Marxisme. Secara keseluruhananya beliau menegaskan bahawa sosialisme itu bukan hak mutlak kaum Komunis semata-mata sebaliknya juga sosialisme yang bersandarkan kepada asas-asas Islam yang benar (Bonie 2016). Pemikiran Tjokroaminoto ini selari dengan pemikiran tokoh-tokoh intelektual Asia Tenggara terkemudian yang berpegang kepada Sosialisme dan Islam seperti Syed Hussein Alatas (1928-2007) di Malaysia. Seperti Tjokroaminoto, Alatas berhujah bahawa walaupun wujud golongan sosialis yang tidak bertuhan, itu tidak bererti umat Islam perlu menolak sepenuhnya aliran sosialisme secara umumnya kerana ada dasar-dasarnya yang sesuai dengan ajaran Islam, apatah

lagi sosialisme yang berdasarkan ketuhanan. Malahan Alatas dengan sinis mengkritik orang-orang Islam yang menonjolkan adanya jenis sosialisme yang tidak bertuhan tetapi membisu terhadap kapitalisme yang tidak bertuhan (Alatas 2020). Menurut Alatas lagi pertentangan yang wujud sebenarnya hanyalah dalam aspek-aspek tertentu sahaja seperti tentang asal usul dan peranan agama, sistem kediktatoran proletariat, peperangan kelas sebagai hukum sejarah, relativisme moral dan sebagainya. Sebaliknya elemen-elemen seperti peranan ideologi, kesedaran palsu (false consciousness) dan buruknya penjajahan mempunyai persamaan dengan ajaran Islam (Alatas 2020).

Tuntasnya, perbezaan paling fundamental antara pemikiran Tjokroaminoto berbanding dengan golongan Sosialis-Marxisme dan konservatif agama ialah tentang kedudukan Islam dalam gerakan politik dan kehidupan rakyat Indonesia. Pada era 1920-an golongan konservatif Islam atau dikenali juga sebagai *Kaum Tua* menolak sebarang perkaitan antara idealisme bikinan manusia seperti Sosialisme dengan Islam. Mereka ini kemudiannya menubuhkan gerakan-gerakan politik yang seringkali dilihat begitu ekstrim seperti Persatuan Islam atau Pembela Islam (Persis) yang yang ditubuhkan di Bandung pada 1923 dengan diketuai oleh tokoh-tokoh agama konservatif seperti Ahmad Hassan (dikenali juga sebagai Hassan Bandung), Hadji Zamzam dan Kyai Abdul Wahab Hasbullah (Neratcha 1918; Federspiel 1970). Selain itu terdapat juga organisasi yang bercorak Arab Islam seperti pertubuhan *Jamiatul Hasanah*, *Jamiatul Mutiin* dan *Ahlus Sunnah wal Jamaah*. (Nasihin 2012). Tidak terkecuali organisasi politik Islam yang diresapi ideologi radikal mirip Marxisme seperti Pertubuhan *Sidiq Amanah*, *Tabligh Vatonah* (SATV) oleh Hadji Misbach, dan tokoh-tokoh muda seperti Haroenrasjid, Kiai Mochtar Boekhari, Sjarief dan Achmad Dasoeki (Noer 1973; Shiraisi 2005).

Sementelah itu bagi kelompok sosialis-sekular tegar mereka awalnya telah dipengaruhi oleh ideologi sosialis-sekular yang dipopulkarkan oleh Douwes Dekker, seorang pengasas gerakan sosialis yang amat dominan di Pulau Jawa ketika itu. Golongan sosialis-sekular seperti Dekker, Semaoen, Musso, Darsono dan Alimin juga menolak secara total peranan Islam dalam politik tempatan yang disifatkan sebagai faktor yang memecah belahkan bangsa. Bagi mereka Islam adalah urusan peribadi individu yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan politik, dan urusan agama mestilah dipisahkan secara total daripada urusan negara (Blumberger 1928). Sebaliknya pula bagi Tjokroaminoto dan kepimpinan Sarekat Islam seperti Haji Agoes Salim dan Abdul Moeis yang dianggap sebagai kelompok modernis Islam atau *Kaum Muda*. Mereka berpendirian tegas untuk mengimbangi konflik pandangan dua kelompok tadi terutamanya dalam menolak doktrin pemisahan antara Islam dengan politik, kehidupan sosial dan urusan negara. Menyanggah pendirian golongan konservatif agama, Tjokroaminoto telah menegaskan, “tidak ada orang Islam yang hanya menitikberatkan soal *ukhrawi* tanpa mengambil kira kehidupan seharian. Hal ini jelas dalam sejarah Islam apabila Nabi Muhamad S.A.W sendiri ialah pemimpin agama dan juga pemimpin politik” (Tjokroaminoto 1952). Pemikiran Tjokroaminoto ini turut terpancar dalam ucapan beliau pada tahun 1922 berjudul ‘Sosialisme yang berdasarkan Islam’. Dalam ucapan tersebut beliau menolak tegas pemikiran golongan sosialis-sekular dengan menyatakan bahawa Islam itu membawa kebahagiaan bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga kepada seluruh umat manusia. Islam juga menurut beliau bukanlah berkaitan dengan urusan peribadi semata-mata sebaliknya merupakan asas terpenting dalam hubungan manusia dengan tuhan dan segala urusan sesama manusia (Amelz 1952). Rakan seperjuangan beliau Haji Agoes Salim juga berkongsi pendirian yang hampir sama dengan mengingatkan bahawa Sarekat Islam adalah organisasi pertama di Indonesia yang menentang idea pemisahan antara ‘*Church and State*’. Malahan beliau

sepertimana Tjokroaminoto mengulangi pendirian bahawa tidak ada sebarang doktrin dalam Islam yang memisahkan antara agama dengan urusan politik (Sumartana 1991).

Meneliti lanjut pemikiran Tjokroaminoto, jelas kelihatan beliau hakikatnya bukanlah cuba menyamakan Islam itu setara dengan ideologi Sosialisme atau sebaliknya. Idealisme tokoh ini sebenarnya ialah menjadikan Islam sebagai asas dalam segenap sendi kehidupan insan termasuklah yang berkaitan dengan hubungan kemasyarakatan atau yang beliau takrifkan sebagai sosialisme itu. Malahan menurut Rahardjo (2015), Tjokroaminto sebenarnya mengambil inisiatif untuk “sekadar membandingkan ideologi Sosialisme dengan gagasan Islam dan bukannya Islam itu identik dengan Sosialisme”. Manakala rumusan oleh Mulawarman (2015) pula menegaskan bahawa “apa yang dilakukan oleh Pak Tjokro bukanlah mengislamkan Sosialisme. Sebaliknya beliau melakukan kritik substantial Sosialisme sekaligus tidak menyepeleati satu jengkal pun pemikiran kapitalisme”. Nur Huda (2015) pula dengan rumusan yang hampir sama menyatakan bahawa “pemikiran Tjokroaminoto hanya mengacukan pada ajaran-ajaran Islam tentang keadilan dan pembebasan kaum yang lemah”. Natijahnya, Tjokroaminoto tidak pernah melihat Sosialisme cara Islam sebagai penggabungan dasar antara ajaran Sosialisme Barat dengan Islam kerana kerangka Sosialisme berdasarkan sistem sosial Islam itu telah wujud jauh lebih awal berbanding Sosialisme janaan Barat (Muhammad Amrun 2018).

Sebenarnya pemikiran Tjokroaminoto itu bukan sahaja berkaitan ideologi Sosialisme sahaja, tetapi juga ideologi lain dan pelbagai aspek kehidupan rakyat Indonesia ketika itu. Prinsip dan falsafah utama pegangan beliau ialah, ajaran Islam mestilah dijadikan asas dan panduan yang terpenting dalam segenap aspek kehidupan manusia. Contohnya dalam konteks takrif dan pemikiran tentang ideologi nasionalisme bangsa, beliau turut menegaskan bahawa ideologi nasionalisme bangsa itu mestilah berdasarkan kepada Islam sebagai asasnya, serta menolak idea-idea nasionalisme sekular bikinan Barat. Seperti mana dalam polemik wacana Sosialisme, masyarakat Indonesia khususnya di Pulau Jawa pada ketika itu turut terpecah dalam memahami makna ideologi nasionalisme. Yang pertama ialah kelompok konservatif yang taat beragama dikenali sebagai golongan *santri* atau kaum *putihan* yang berpendidikan tradisional di pondok atau *pesantren*, serta kelompok yang menjadikan Islam sebagai sekadar hal-hal ritual dalam kehidupan dikenali sebagai kelompok *abangan* atau *nominal muslim*. (Geertz 1960). Perbezaan pemikiran antara kumpulan *abangan* yang kebanyakannya berpendidikan sekular Barat dari kelas menengah dengan kumpulan *santri* yang kebanyakannya tinggal di penempatan sekitar masjid atau *kauman* menumbuhkan polarisasi budaya yang kemudiannya membawa kepada konflik orientasi politik serta komitmen dalam perjuangan nasionalisme mereka (Noer 1973; Taufik Abdullah 1991).

Dalam konteks ini, sebagai mana dalam polemik sosialisme tadi maka Tjokroaminoto telah memainkan peranan yang signifikan untuk merapatkan jurang perbezaan pemikiran ke arah pembentukan ideologi nasional Indonesia. Menurut beliau, Islam tidak menghalang ideologi nasionalisme, malahan menganjurkan nasionalisme seperti yang diperaktiskan oleh Sarekat Islam. Dalam hal ini, Tjokroaminoto mengutarakan doktrin ‘Nasionalisme Islam’ sebagaimana doktrin Sosialisme cara Islam tadi. Menulis dalam akhbar *Bandera Islam* pada tahun 1925, Tjokroaminoto menerangkan bahawa ideologi “Nasionalisme Islam itu akan membawa kepada pembentukan Sosialisme cara Islam yang bertujuan mewujudkan mono-humanisme atau kesepadan masyarakat yang dikawal oleh Allah S.W.T. melalui undang-undang dan peraturan-Nya, sebagaimana yang diwahyukan kepada Nabi Muhamad S.A.W.” (Bandera Islam 1925). Selanjutnya dalam karya beliau ‘Islam dan Sosialisme’, Tjokroaminoto melanjutkan wacana nasionalisme beliau yang disamakan dengan semangat kebangsaan. Menurut tokoh ini “Kebangsaan atau nasionalisme itu mestilah berasaskan kepada kerangka Sosialisme yang dianjurkan oleh Islam kerana Sosialisme

itu akan menghapuskan kekangan bangsa, bahasa, wilayah dan kenegerian” (Tjokroaminoto 2017). Menurut beliau lagi “sesungguhnya ‘Nasionalisme Islam’ itu akan mewujudkan solidariti, kebebasan dan kesaksamaan dalam kalangan umat Islam” (Tjokroaminoto 2017). Akhirnya, Tjokroaminoto telah merumuskan intipati pemikiran beliau bahawa bagi orang Islam, tidak ada Sosialisme atau isme-isme lain yang lebih indah, lebih baik dan lebih mulia melainkan sistem sosial yang berdasarkan kepada Islam (Nur Huda 2015).

Natijahnya, senario politik di Indonesia dan kebangkitan gerakan anti-imperialisme di Asia pada ketika itu merupakan salah satu sebab yang mendorong Tjokroaminoto untuk menyandarkan terma Islam dalam ideologi politik Sarekat Islam bertujuan menarik sokongan rakyat Indonesia yang majoritinya beragama Islam, dan sedang bersemangat dengan seruan anti-imperialis dan anti-Belanda yang revolusioner (Shiraisi 2005). Perkembangan pengaruh gerakan sosialis-sekular Marxisme oleh tokoh-tokoh Sarekat Islam Merah seperti yang dibincangkan sebelum ini menimbulkan desakan kepada Tjokroaminoto dan golongan modernis Islam seperti Haji Agoes Salim dan Abdul Moeis mengutarakan idea penggunaan terma Islam sebagai alternatif kepada Sosialisme tidak bertuhan gaya komunis Marxisme. Justeru tidaklah mengejutkan Tjokroaminoto ketika berdepan asakan golongan sosialis-sekular tadi, seringkali beliau menyebutkan bahawa “Muslim yang baik secara automatis dan alami adalah sosialis” (Amelz 1952). Selain itu, pengaruh gerakan Pan-Islamisme yang hebat berkembang pada era 1920-an dan 1930-an juga telah memberikan inspirasi kepada Tjokroaminoto untuk meletakkan terminologi Islam sebagai sandaran kepada ideologi politik beliau. Selain mengaitkan Sosialisme dengan Islam bagi menyekat pengaruh gerakan sosialis sekular-Marxisme tadi, pengaruh Pan-Islamisme ini turut mendorong beliau menyandarkan nama Islam dalam semua retorik politik Sarekat Islam termasuklah dalam ideologi ‘Nasionalisme Islam’ bertujuan mengekang penularan pengaruh fahaman nasionalisme sekular dalam kalangan bangsa Indonesia (Benda 1958). Hal ini ketara apabila langkah terawal bagi mengukuhkan lagi terma nasionalisme Islam dan imej Sarekat Islam sebagai organisasi utama yang boleh menyatukan bangsa Indonesia lewat agama, Tjokroaminoto telah mengambil inisiatif politik menghimpunkan seluruh pertubuhan Islam untuk hadir dalam Kongres Islam pertama di Cirebon, Jawa Barat pada tahun 1922. Lebih sembilan organisasi Islam terbesar Indonesia ketika itu termasuklah pertubuhan Muhamadiyyah dan al-Irshad, serta tidak ketinggalan ulama-ulama konservatif yang tidak mewakili mana-mana organisasi (mereka kemudiannya mendirikan pertubuhan Nahdhatul Ulama) seperti Haji Abdul Wahab Chasbullah dari Surabaya dan Kiyai Asnawi dari Kudus turut serta dalam kongres tersebut (Noer 1973). Intihanya, senario politik tempatan dan antarabangsa pada ketika itu telah mendorong Tjokroaminoto untuk meletakkan Islam sebagai asas terpenting dalam ideologi gerakan siasah pimpinan beliau, dan demi survival Sarekat Islam sendiri dalam mendepani gelora politik Indonesia ketika itu.

## KESIMPULAN

H.O.S Tjokroaminoto merupakan seorang tokoh besar dalam sejarah intelektual Indonesia yang terkenal dengan doktrin Sosialisme berdasarkan kerangka pemikiran Islamnya. Prinsip-prinsip asas Sosialisme dalam konteks Islam yang disyorkan oleh beliau termasuklah dalam hal menentang eksploitasi kapitalisme dan imperialisme, perjuangan kemerdekaan, kesaksamaan dan keadilan untuk semua, menyeru kepada kolektivisasi dan kesatuan anggota masyarakat, perjuangan membasmikan kemiskinan, korupsi dan perubahan sosioekonomi bagi majoriti rakyat yang tertindas, mengukuhkan peranan aktif negara dalam pembangunan sosio-ekonomi yang

sekaligus mengikis monopoli dan eksploitasi segelintir kapitalis tamak dan elit masyarakat serta menolak mana-mana fahaman yang tidak berasaskan kepada ajaran agama yang sebenar.

Figura hebat ini telah memberikan takrifan yang tuntas dalam mengikis kekeliruan sesetengah golongan bahawa ideologi Sosialisme itu adalah bersinonim dengan Sosialisme Materialisme, dukungan Komunis-Marxisme. Padahal, sekiranya maksud dan intipati Sosialisme itu ditakrifkan sebagai dasar kesejahteraan insan dan keadilan sosial, maka pandangan Islam adalah berbeza. Malahan falsafah keadilan sosial yang lebih sempurna sebenarnya telah pun terlebih dahulu dianjurkan oleh Islam sejak era pemerintahan Rasulullah S.A.W. lagi. Asas terpenting kepada penolakan mereka terhadap Sosialisme kebendaan Barat ini berpusat kepada persoalan agama dan ketuhanan, kediktatoran proletariat, revolusi kebendaan dan radikalisme dialektik. Tjokroaminoto merumuskan bahawa Sosialisme itu secara umumnya tidak bertentangan dengan Islam sebaliknya hanya beberapa aliran dalam Sosialisme itu yang tidak secocok dengan ajaran Islam. Menurut beliau, Sosialisme itu sebagai satu sistem sosial; selagi mana tidak meminggirkan aspek ketuhanan dan prinsip agama adalah seajar, secocok dan harmoni dengan dasar-dasar Islam. Istilah dan terma Sosialisme yang diadaptasi dari Barat hanyalah merupakan penyataan kepada sifat-sifat Islam dan bukanlah bermakna Islam itu tidak sempurna. Hal yang sama dilakukan dalam pelbagai perkara sejak zaman berzaman seperti amalan demokrasi, falsafah, kepelbaagaiuan transmisi budaya moden dan positif serta kemajuan ilmu dan intelektualisme yang bersumberkan Barat. Mencontohi Barat menurut beliau, termasuklah dalam sistem masyarakat yang adil lagi sejahtera tidak bermakna mengimport segala-galanya tanpa tapisan dan penelitian melalui kerangka agama yang jelas. Sesungguhnya wujud garis pemisah yang nyata antara elemen hak dan batil, dan kebatilan itu seharusnya ditolak semetalah yang hak diterima, waima jika ianya berasal daripada tamadun Barat yang lebih maju.

Akhirnya, letusan pemikiran tokoh ini walaupun pada zamannya mencetuskan kontroversi lantaran idealisme beliau yang mengaitkan ideologi Sosialisme dengan ajaran Islam yang dilihat menongkah arus pemikiran konservatif masyarakat Islam di Pulau Jawa ketika itu, namun intipati dan gagasan beliau tentang konsep keadilan sosial dan kesejahteraan masyarakat telah membawa dimensi baharu yang berterusan tentang sifat Islam yang inklusif dan adaptif. Dalam konteks penyelidikan sejarah idea dan intelektualisme di Asia Tenggara penelitian lanjut terutama tentang peristiwa-peristiwa sejarah negara perlulah dilihat semula. Fokus penelitian perlulah bukan sahaja terhad dari sudut peristiwa, sumber dan dokumen, serta aktiviti dan penglibatan pelaku sejarah; sebaliknya turut digali intipati pemikiran dan idealisme aktor sejarah, khususnya dalam konteks ideologi sezaman dan pemikiran Islam.

## RUJUKAN

- Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). 1966. *Keadilan Sosial dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abed Kanaaneh. 2021. Ali Shariati: Islamizing Socialism and Socializing Islam. *Left History an Interdisciplinary Journal of Historical Inquiry and Debate*. 24 (1): 45-64.
- Adams, Cindy. 1965. *Sukarno: An Autobiography as told to Cindy Adams*. New York: The Hobbs-Merril Company.
- Ahmet Salih Ikiz. 2019. Green Book and Islamic Socialism. *Eurasian Journal of Social Science*. 7 (3): 23-29.

- Aji Dedi Mulawarman. 2015. *Jang Oetama: Jejak dan Perjuangan HOS Tjokroaminoto*. Yogyakarta: Galang Pustaka.
- Alatas, Syed Hussein. 2020. *Islam dan Sosialisme*. Petaling Jaya: Gerak Budaya.
- Ali Shari'ati, "Where Shall We Begin?" Iran Chamber Society [https://www.iranchamber.com/personalities/ashariati/works/where\\_shall\\_we\\_begin.php](https://www.iranchamber.com/personalities/ashariati/works/where_shall_we_begin.php)  
Diakses pada 17 Mei 2022.
- Ali Shari'ati. 2017. *Agama Lawan Agama*. Terj. oleh Ahmad Nabil Amir. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.
- Amelz. 1952. *H.O.S Tjokroaminoto Hidup dan Perjuangannya*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Muhammad Amrun Aziz. 2018. Islam, Sosialisme dan Politik Perspektif Pemikiran H.O.S Tjokroaminoto. *Risalah: Journal Pendidikan dan Studi Islam* 4 (2): 1-14.
- Anhar Gonggong. 2016. Tjokroaminoto: Rumah Ideologi dan Dialog. In Budi Setyarso. *Tjokroaminoto: Guru Para Pendiri Bangsa*. 127-128. Jakarta: KPG Publisher.
- Aziz, M. A. 2018. Islam, Sosialisme, dan Politik Perspektif HOS Tjokroaminoto. *Jurnal Risalah*, 4(2): 1-14.
- Azyumardi Azra .2014. Kata Pengantar Dinamika PSII: Prisma Politik Islam Indonesia. In Valina Singka Subekti. *Partai Syarikat Islam Indonesia Kontestasi Politik hingga Konflik Kekuasaan Elite*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia
- al-Qaddafi, Muammar. 1978. *Green book*. Tripoli: Green Book Centre.
- Bandera Islam. 26 Februari 1925.
- Bickley, Paul. 2010. *Building Jerusalem: Christianity and the Labour Party*, London: Bible Society.
- Blumberger, Th. 1928. *The Communistche Beweging in Netherlandsch-indie*. Harlem: Tjeen Willink.
- Bonnie Triyana. 2016. Titian Bercabang Sang Herucokro. In Budi Setyarso. *Tjokroaminoto: Guru Para Pendiri Bangsa*.137-138. Jakarta: KPG Publisher
- Bryant, Christopher. 1996. *Possible Dreams: A Personal History of the British Christian Socialists*. London: Hodder & Stoughton Religious.
- Budi Setyarso. 2016. *Seri Buku TEMPO: Tjokroaminoto: Guru Para Pendiri Bangsa*. Jakarta: KPG Publisher.
- Chengappa, B.M. 2002. Pakistan: Impact of Islamic Socialism. *Strategic Analysis* 26 (1):27-28.
- Cole G.D.Howard. 1955. *Socialist Thought*. Jilid 1, London: Macmillan.
- Dar, Bashir Ahmad.1969. *Letters and Writings of Iqbal*. Karachi: Iqbal Academy.
- Durkheim, Emile. 1962. *Socialism*. Terj. oleh Charlotte Sattler. New York: Collier.
- Edward, Royce. 2015. *Classical Social Theory and Modern Society*, New York: Rowman & Littlefield.
- Enayat, Hamid. 2001. *Reaksi Politik Sunni dan Syi'ah: Pemikiran Politik Islam Modern Menghadapi Abad ke-20*. Bandung: Pustaka.
- Federspiel, Howard. 1970. *Persatuan Islam: Islamic Reform in Twentieth Century Indonesia*. Ithaca, NY: Cornell University Press.
- Fernandes. O. et.al. 2021. The Bibliography Review as a Research Methodology. *Revista Tempos e espacos em educacâo* (English version) 14(33): 1-19.
- Firman Noor, Lili Romli & Sarah Nuraini Siregar. 2022. Socialism and Nationalism: A Comparison between the Thought of HOS Tjokroaminoto and Alimin Prawirodirjo. *Akademika: Jurnal Pemikiran Islam*. 27 (1):101-116
- Gardner, G.H & Hanna, S.A. 1966. Islamic Socialism. *The Muslim World* 56 (2): 71–86.

- Geertz, Clifford. 1960. *The Religion of Java*. London: Collier-MacMillan.
- George Esenwein. 2005. Socialism. In Maryanne C. Horowitz et.al. *New Dictionary of the History of Ideas*. 2228-34. New York: Thomson Gale.
- H.O.S Tjokroaminoto. 1952. *Tafsir Program Asas dan Program Tandhim Partai Sjarikat Islam Indonesia PSII*. Jakarta: Badan Pekerja Partai Sjarikat Islam Indonesia.
- H.O.S Tjokroaminoto. 2017. *Islam dan Sosialisme*. Petaling Jaya: Fajar Kiri Publication.
- Hadel El-sseid, Llahm Omar Faraj Ben Dalla & Mohammed Ali Mohammed El-sseid. 2021. The political state of Libya based on Pre and post-Muammar Al Gaddafi Era and New Historicism Literature review. *International Journal of Social Sciences and Management Research* 7 (1): 1-10.
- Hamad Ibnu. 2004. *Konstruksi Realitas Politik dalam Media Massa: Sebuah Studi Critical Discourse Analysis terhadap Berita-berita Politik*. Jakarta: Penerbit Granit, Yayasan Obor Indonesia.
- Hamid Dabashi. 2006. *Theology of Discontent: The Ideological Foundation of the Islamic Revolution in Iran*. New Brunswick: Transaction Publishers.
- Hussain, Rizwan. 2022. Socialism and Islam. *The Oxford Encyclopedia of the Islamic World*. Oxford Islamic Studies Online, <http://www.oxfordislamicstudies.com/article/opr/t236/e0748>. Diakses pada 15 Mei 2022.
- Iqbal, Muhammad. 1966. *Javad-Nama*. Terj. oleh Arberry, J. Arthur. London: Allen & Unwin.
- Iqbal, Muhammad. 1969. *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*. Lahore: Ashraf.
- Jacqualine S. Ismael & Shereen T. Ismael. 2008. Social Policy in the Arab World: The Search for Social Justice." *Arab Studies Quarterly* 30 (2): 23-44.
- Jusuf Wibisono 1950. *Islam dan Sosialisme*. Ed. Ke-2. Jakarta: Pustaka Islam.
- Khalifa A. Hakim. 2003. Islamic Ideology. In Eco Supriyadi. *Sosialisme Islam: Pemikiran Ali Sya'riati*. 113-114, Jakarta: Pustaka Pelajar.
- Kidwai, S.M.H. 1912. *Islam and Socialism*. London: Luzac & Co.
- Korver, A.P.E. 1985. *Sarekat Islam: Gerakan Ratu Adil?* Jakarta: Penerbit Grafiti.
- Luce-Claude Maitre. t.t. *Introduction to the Thought of Iqbal*.". Diedit oleh. Dar, B.A., 42-43, Lahore: Iqbal Academy.
- Magnis-Suseno, F. 1999. *Pemikiran Karl Marx: Dari Sosialisme Utopis ke Perselisihan Revisionisme*. Jakarta: Gramedia.
- Manifesto of Pakistan People Party 1970 & 1977 reproduced by Sami Hussain Panhwar. In <http://bhutto.org/Acrobat/Manifestos%20of%20Pakistan%20Peoples%20Party.pdf>  
Diakses pada 17 Mei 2022.
- Marx Karl & Engels, Friedrich Engels. 1972. Manifesto of the Communist Party. In. *The Marx-Engels Reader*. Diedit oleh Tucker, C. Robert. 2nd ed., New York: Norton.
- Marx, Karl & Engels, Frederick Engels .1985. Address of the Central Authority to the League. In *MECW*, 281-82, vol. 10, New York: International Publishers.
- Marx, Karl. 1985. Instructions for the Delegates of the Provisional General Council. In *MECW*, 191-92, vol. 20, New York: International Publishers.
- Marx, Karl.1985. Provisional Rules of the Association. In *Marx/Engels Collected Works (MECW)*. vol. 20, New York: International Publishers.
- Marx, Karl. 2000. *Selected Writings*. Oxford: Oxford University Press.
- Marx, Karl. 1969. *The Eighteenth Brumaire of Louis Bonaparte*, New York: International Publishers.

- Masyhur Amin. 1995. *HOS Tjokroaminoto: Rekonstruksi Pemikiran dan Perjuangannya*. Yogyakarta: Cokroaminoto University Press.
- Maududi, Sayyid Abu Ala. 1969. *The Sick Nations of the Modern Age*. Terj. oleh Khurshid Ahmad. Lahore: Islamic Publication.
- Mohamed Heikal. 1981. *The Return of the Ayatollah: The Iranian Revolution from Mossadeq to Khomeini*. London: Andre Deutsch.
- Muhammad Asad. 1947. *Islam at the Crossroads*. Lahore: Arafat Publication.
- Mulawarman, A. D. 2015. *Jang Oetama: Jejak Dan Perjuangan HOS Tjokroaminoto*. Jakarta: Galang Pustaka.
- Mustafa al-Siba'i. 2020. *Sosialisme Islam*. Terj. oleh Hassan Saleh, Petaling Jaya: Fajar Kiri Publication.
- Nadeem F. Paracha, 2013, Islamic Socialism: A History from Left to Right, <https://www.dawn.com/news/787645/islamic-socialism-a-history-from-left-to-right>. Diakses pada 18 Mei 2022.
- Nasihin, Sartono. 2009. *Sarekat Islam Mencari Ideologi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Neratcha. 23 Februari 1918.
- Noer, Deliar. 1973. *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942*. Singapore: Oxford University Press.
- Notodijoyo, Subagyo Ilham. 1985. *Mengikuti Jejak Perjuangan Sang Ayah*. Jakarta: Gunung Agung.
- Nur Huda. 2015. *Sejarah Sosial Intelektual Islam di Indonesia*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Nur Lailatal Musyafaah. 2015. Pemikiran Politik Khalid Muhammad Khalid. *Jurnal Review Politik* 5 (2): 293-317.
- Rambe Sjafrizal. 2008. *Sarekat Islam: Pelopor Bangkitnya Nasionalisme Indonesia 1905-1942*. Jakarta: Penerbit Yayasan Kebangkitan Insan Cendikia.
- Rashjidi, H.M. 1966. *Islam dan Sosialisme*. Jakarta: Yayasan Islam Studi Club.
- Rigby, Andrew. 1988. *Wilfred Welloch: A Life in Peace*. Bridport: Prism Press.
- Rahardjo, M. Dawam. 2015. Tjokroaminoto dalam Formasi Ideologi Indonesia. In Nasharuddin Anshoriy & Agus Hendratno. *H.O.S Tjokroaminoto: Pelopor Pejuang, Guru Bangsa dan Penggerak Sarekat Islam*. xvii. Yogyakarta: Ilmu Giri.
- Rodinson, Maxime. 1974. *Islam and Capitalism*. London: Penguins Book.
- Rodinson, Maxime. 1979. Problems facing the Communist parties in Syria and Egypt. In Rodinson, Maxime. *Marxism and the Muslim World*. 60-75, London, Zed Press.
- Sami A. Hanna. 1967. Al-Afghāni: A Pioneer of Islamic Socialism. *The Muslim World* 57 (1): 24-32.
- Sanghro, R. R. & Chandio, J. A. 2019. Emerging the Concept of Islamic Socialism in Pakistan: Historical Analysis on Political Debates of 1970-1971 Election Campaign. *Journal of History Culture and Art Research* 8 (2): 51-61.
- Sayyidah Mawani. 2017. *H.O.S Tjokroaminoto: Guru Agama dan Bangsa*. Jakarta: Sociality.
- Shiraishi, Takashi. 2005. *Zaman Bergerak: Radikalisme Rakyat di Jawa, 1912-1926*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Shiraishi, Takashi. 2016. Tjokro Menciptakan Standar Pergerakan. In Budi Setyarso. *Tjokroaminoto: Guru Para Pendiri Bangsa*. 139-140. Jakarta: KPG Publisher
- Smith, D. Eugene Smith. 1971. *Religion, Politics, and Social Change in the Third World*. New York: The Free Press.

- Subekti, Valina Singka. 2014. *Partai Syarikat Islam Indonesia Kontestasi Politik hingga Konflik Kekuasaan Elite*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Sumartana, T.H. 1991. *Missions at the Crossroads Indigenous Churches, European Missionaries, Islamic Association and Socio-religious Change in Java, 1812-1936*. Leiden: De Zijl Bedrijven.
- Taufik Abdullah. 1991. *Sejarah Ummat Islam Indonesia*. Jakarta: Majlis Ulama Indonesia.
- van Neil, Robert 1980. From Netherlands East the Indies to Republic of Indonesia 1900-1945. In Harry Aveling. *The Development of Indonesian Society from the Coming of Islam to the Present Day*. 125-126. New York: St. Martin's Press.
- Ventresca, M. 2017. Archival Research Methods. In Joel A.C. Baum, *The Blackwell Companion to Organizations*, 805-828. London: Blackwell Publishers Ltd.
- Voll, O. John. 1982. *Islam Continuity and Change in the Modern World*, New York: West View Press Inc.
- Wertheim, W.F. 1956. *Indonesian Society In Transition*. N. van Hoeve: Den Haag.
- Westerlund, David. 1982. *From Socialism to Islam? Notes on Islam as a Political Factor in Contemporary Africa*. Sweden: Scandinavian Institute of African Studies.
- Winter, Joslin & David, Joslin. 2006. *R.H. Tawney's Commonplace Book*. London: Cambridge University Press.
- Zulfiqar Ali-Bhutto, Politics of the People Public Speech at Jinnah Park, Peshawar, January 18, 1970, <https://bhutto.org/index.php/speeches/speeches-from-1970-1971/politics-of-the-people-public-speech-at-jinnah-park-peshawar-january-18-1970/> Diakses pada 18 Mei 2022.
- Zulfiqar Ali-Bhutto, Socialism is Islamic Equality Speech at a Public Meeting at Gujrat, March 1, 1970, <https://bhutto.org/index.php/speeches/speeches-from-1970-1971/socialism-is-islamic-equality-speech-at-a-public-meeting-at-gujrat-march-1-1970/> Diakses pada 17 Mei 2022.

MUHAMAD HASRUL ZAKARIAH\*  
 Bahagian Sejarah,  
 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
 Universiti Sains Malaysia  
 11800 Pulau Pinang, MALAYSIA

\*Pengarang koresponden: [hasrul74@usm.my](mailto:hasrul74@usm.my)

Received: 28 September 2023 / Accepted: 9 November 2023 / Published: 15 December 2023